

Laporan Tahunan  
Annual Report | **2011**

KEMENTERIAN  
PENERANGAN  
KOMUNIKASI  
& KEBUDAYAAN



Rakyat Didahulukan  
Pencapaian Diutamakan

Laporan Tahunan | **2011**



Cetakan Pertama 2012

© Perpustakaan Negara Malaysia, 2012

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, 232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Laporan Tahunan / Perpustakaan Negara Malaysia, - 1985 - .

- Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1985 - .

Tahunan

ISSN 0128-3170

1. Libraries, National -- Malaysia. 2. Corporation reports.


I. Judul 027.5595







# Isi Kandungan

- 
- 4 **Perutusan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan**
  - 5 **Perutusan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia**
    - 7 Penubuhan dan Akta
    - 13 Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia
    - 16 Pengurusan Tertinggi Perpustakaan Negara Malaysia
    - 18 Carta Organisasi Perpustakaan Negara Malaysia
    - 21 Pencapaian Perpustakaan Negara Malaysia
    - 25 Peristiwa Penting
    - 32 Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
    - 39 Pembangunan Sumber Manusia
    - 41 Perancangan dan Perhubungan Korporat
    - 45 Prasarana Ilmu dan Maklumat
    - 48 Pembinaan Koleksi Negara dan Pendokumentasian
    - 51 Perkhidmatan Malaysiana
    - 56 Perkhidmatan Maklumat Umum
    - 65 Perkhidmatan Perpustakaan Digital Nasional
    - 68 Perpustakaan Negara Malaysia Negeri Perlis
    - 70 Sistem Pengurusan Kualiti
    - 72 Program Utama Perpustakaan Negara Malaysia
    - 77 Statistik Perpustakaan Negara Malaysia
    - 84 Pameran
    - 85 Lawatan
    - 87 Kerjasama Perpustakaan
    - 90 Penerbitan
    - 91 Penulisan
    - 93 Kelab Perpustakaan Negara Malaysia
    - 95 PUSPANITA Cawangan Perpustakaan Negara Malaysia
    - 97 Perpustakaan Negara Malaysia dan Rakan Media
    - 109 Pencapaian Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama

# PERUTUSAN

## MENTERI PENERANGAN KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahibarakatuh dan Salam 1Malaysia

Kemajuan sebuah bangsa dan negara bergantung kepada tahap penguasaan ilmu pengetahuan dan penghayatan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh rakyatnya. Sesungguhnya budaya ilmu yang berpunca daripada amalan membaca yang tinggi merupakan asas terpenting untuk menjana kemajuan negara dalam pelbagai bidang.

Perjuangan *dua sejalin, tiga sepilin* yang merangkumi usaha meninggikan budaya ilmu dan memupuk nilai-nilai murni rakyat Malaysia menerusi wahana penerangan, komunikasi dan kebudayaan adalah perjuangan besar yang harus diperhebat oleh Kementerian ini menerusi pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti sepanjang masa.

Program yang digerakkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) seperti galakan membaca, pembudayaan bahasa Melayu dan tulisan Jawi. Sesungguhnya ketiga-tiga program ini boleh disifatkan seperti *tungku tiga sejarangan* yang amat penting dalam menyemarakkan perjuangan berlandaskan nilai-nilai budaya 1Malaysia.

Syabas dan tahniah kepada PNM atas usaha murni menerbitkan buku laporan ini. Semoga usaha PNM untuk melahirkan rakyat yang membudayakan amalan membaca menerusi penyediaan kemudahan perpustakaan terkini yang lengkap dan selesa serta mempunyai capaian perkhidmatan yang lebih meluas dan berkesan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

*Minda Diperkaya, Nilai Murni Dibudaya*

**DATO' SERI UTAMA DR. RAIS YATIM**

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan



# PERUTUSAN

## KETUA PENGARAH

## PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahibarakatuh dan Salam 1Malaysia

Tahun 2011 menyaksikan PNM terus maju mengorak langkah selaku peneraju pembangunan, perkhidmatan dan kepimpinan perpustakaan bertaraf dunia dengan melakar beberapa kejayaan yang signifikan dalam mentransformasikan institusi perpustakaan ke arah perkhidmatan berformat digital.

u-Pustaka – satu inovasi perkhidmatan perpustakaan telah meletakkan Malaysia sebagai antara negara terkehadapan dalam penyediaan perkhidmatan perpustakaan secara elektronik yang boleh digunakan oleh masyarakat sejagat pada bila-bila masa tanpa batasan lokasi.

Keterbukaan dunia maklumat dengan pengaruh dan kuasa media baharu memerlukan sebuah masyarakat memiliki kecekapan untuk memilih sumber maklumat yang sahih dan berwibawa. Justeru, Modul Literasi Maklumat 1Malaysia (MLM1M) diperkenalkan demi melahirkan masyarakat celik maklumat yang mengamalkan nilai-nilai budaya ilmu yang terpinpin lagi berintegriti.

Dalam konteks keantarabangsaan, PNM turut mengukir nama sebagai tuan rumah *IFLA International Newspaper Conference 2011* bertemakan *Newspaper in Multiple Scripts and Multiple Languages: Issues and Challenges for National Heritage*. Penganjuran seminar antarabangsa ini berjaya menonjolkan kejayaan institusi perpustakaan dalam urus tadbir koleksi akhbar pelbagai skrip bahasa sebagai khazanah intelek negara sekaligus menyerlahkan keunikan Malaysia di mata dunia.

Ketiga-tiga pencapaian yang dinyatakan beserta himpunan kisah kejayaan lain menjadi antara paparan menarik untuk tatapan pembaca yang membaca setiap helaian buku laporan ini.

Tahniah dan terima kasih atas kejayaan serta sumbangan warga kerja PNM dalam menjayakan penerbitan Laporan Tahunan PNM 2011.

Selamat membaca.

“Mari Membaca 1Malaysia”



**DATU' RASLIN ABU BAKAR**  
Ketua Pengarah  
Perpustakaan Negara Malaysia

# PENUBUHAN DAN AKTA





# Penubuhan dan Akta

## Sejarah Perpustakaan Negara Malaysia

21 Julai 1965

Arkib Negara Malaysia mengemukakan Surat Peringatan Penubuhan Perpustakaan Negara Malaysia sebagaimana yang dimohon oleh Jabatan Perdana Menteri.

1966

Satu Bahagian baru ditubuhkan sebagai teras perkhidmatan Perpustakaan Negara dalam Arkib Negara. Bahagian ini menyelenggarakan Jawatankuasa Perpustakaan Negara dan menguatkuasa Undang-Undang Pemeliharaan Buku-Buku 1966 yang menggantikan Undang-Undang Pemeliharaan Buku-Buku 1950 yang dibatalkan.

Seorang pegawai perpustakaan dan dua (2) orang kerani perpustakaan dilantik untuk berkhidmat di Bahagian Perpustakaan Negara dalam Arkib Negara.

12 Mei 1966

Undang-Undang Pemeliharaan Buku-Buku 1966 dikuatkuasakan.

1967

Projek penyusunan bibliografi negara diusahakan dengan penubuhan sebuah Jawatankuasa Penasihat Bibliografi Negara yang dipengerusikan oleh Pengarah Arkib Negara, Encik Alwi Jantan.

1970

Jawatankuasa Perpustakaan Negara bermesyuarat dan telah mencadangkan supaya Perpustakaan Negara ditubuhkan dengan rasminya dalam tahun 1971.

1 Ogos 1970

Puan Mariam Abdul Kadir dilantik sebagai Pegawai Perpustakaan di Arkib Negara Malaysia.

April 1972

Perpustakaan Negara menyewa ruang di tingkat 6 dan 7, Bangunan UMBC, seluas 14,676 kaki persegi. Bahagian pentadbiran, perkhidmatan teknik, rujukan dan pembangunan perpustakaan berpindah ke UMBC. Bahagian Bibliografi Negara masih kekal di Jalan Venning.

Mei 1972

Akta Perpustakaan Negara 1972 telah diluluskan dalam Persidangan Parlimen. Akta ini berasaskan deraf yang telah disediakan oleh Sir Harold White, bekas pustakawan negara Australia yang berkhidmat sebagai Perundingan UNESCO di PNM selama tiga (3) bulan pada tahun 1971.

Jun 1972

Encik D.E.K. Wijasuriya, Timbalan Ketua Perpustakaan, Universiti Malaya telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah (Perpustakaan).

11 September 1972

Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) dikuatkuasakan.

13 September hingga 12 Oktober 1972

Bulan Perpustakaan Negara yang dilancarkan oleh YB Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ong Kee Hui di Bangunan UMBC. Risalah penerangan mengenai Perpustakaan Negara, alat pembuka surat yang dibuat dari logam dan penanda buku plastik diedarkan kepada umum.



## Januari 1973

Pusat Peperiksaan Malaysia untuk Peperiksaan Library Association (UK) telah dipindahkan dari Perpustakaan Universiti Malaya ke Perpustakaan Negara.

## Februari 1973

Encik Saad Marzuki memegang jawatan Ketua Pengarah Arkib dan Perpustakaan Negara.

## 28 Jun 1973

Skim Gunasama Perpustakaan telah diluluskan oleh Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

## 20 Julai 1973

Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara yang ditubuhkan oleh YB Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Ong Kee Hui, menggantikan Jawatankuasa Perpustakaan Negara. Lembaga ini dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsuddin, Ketua Setiausaha Negara dan seramai lima (5) orang ahli juga dilantik.

## 7 Disember 1973

Mesyuarat pertama Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara.

## 1974

Perpustakaan Negara mempunyai struktur organisasi mengikut fungsi dan Bahagian Latihan diwujudkan.

## Disember 1975

Perpustakaan Negara menyewa ruang seluas 29,000 kaki persegi di tingkat 1 dan 2, Wisma Thakurdas/Sachdev, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Bahagian Bibliografi masih kekal di Jalan Venning.

## 1976

PNM menjadi Pusat Penyerahan Negara bagi terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

## 30 Jun 1976

Mesyuarat Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara di mana dalam mesyuarat tersebut bersetuju dan memperakukan penubuhan Perpustakaan Negara sebagai sebuah jabatan berasingan.

## 1 Januari 1977

Penubuhan Perpustakaan Negara sebagai sebuah Jabatan Persekutuan.

Perpustakaan Negara telah memulakan skim Katalog Dalam Penerbitan (CIP) bagi terbitan monograf yang diterbitkan oleh University of Malaya Press.

## 4 Julai 1977

Kursus Pembantu Perpustakaan Perkhidmatan Pertama yang bermula pada 4 Julai – 16 Ogos 1977.

## 22 Jun 1977

Kuatkuasa perpisahan Perpustakaan Negara dari Arkib Negara Malaysia dengan mempunyai organisasinya tersendiri yang diketuai oleh seorang Ketua Pengarah.

## Ogos 1977

PNM menjadi Pusat Kebangsaan bagi ISDS. Sebagai pusat kebangsaan, PNM bertanggungjawab menentukan ISSN kepada terbitan bersiri diterbitkan di Malaysia.

## 1 Ogos 1977

Pendaftaran ahli Perpustakaan Negara dimulakan. Sesi mengenal perpustakaan anda telah diadakan selama dua (2) minggu. Unit Perpustakaan Awam diwujudkan dengan fungsi menyediakan bahan-bahan bacaan yang berkaitan penyelidikan, teknologi dan kebudayaan untuk pinjaman dewasa dan kanak-kanak.

## 15 Ogos 1977

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia yang pertama, Encik P.C. Ratchaga telah melapor diri. Sebelum ini, beliau adalah Setiausaha kepada Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali.



## 1978

PNM bertempat di tiga (3) bangunan iaitu di Bangunan MABA, Jalan Davidson; Wisma Thakurdas/Sachev, Jalan Raja Laut dan Bangunan Kerajaan, Jalan Venning.

Projek Percubaan MALMARC dimulakan. Perpustakaan yang terlibat adalah perpustakaan UM, UKM, UPM, USM dan PNM.

## 1979

Proses perkomputeran operasi-operasi dalaman di PNM dimulakan.

Pemprosesan bahan melalui komputer dan pengeluaran katalog dalam bentuk mikrofis dimulakan.

Sistem MALMARC dilaksanakan sebagai projek bersama di antara perpustakaan universiti dan PNM bagi mewujudkan Pangkalan data katalog Induk dalam format rekod MARC.

Indeks surat khabar Malaysia mula diterbitkan dengan keluaran dua (2) kali setahun.

Unit Konservasi dan Reprografi diwujudkan.

## 3 – 7 Disember 1979

Peperiksaan Penolong Pegawai Perpustakaan buat pertama kali diadakan.

## Februari 1980

Pelantikan Ketua Pengarah PNM yang baru iaitu Tuan Haji Yang Amri bin Kamaruddin yang menggantikan Encik Paul Ratchaga yang bersara.

## Februari 1981

Jawatan Ketua pengarah PNM digantikan dengan YBhg. Dato' Mohd Hashim bin Sam Abdul Latiff, kerana Tuan Haji Yang Amri bin Kamaruddin ditukarkan ke Kementerian Pelajaran.

## 5 Februari 1982

PNM menambah ruang pejabat dengan penyewaan bangunan lima (5) tingkat Suk Yuen & Sons (SYS) yang menempatkan Unit Bergerak, Bahagian Katalog dan Unit Pembelian, Unit Hadiah dan Pertukaran dan Unit Cetak.

## September 1982

PNM dilantik sebagai Pusat Kebangsaan bagi pemberian system nombor standard antarabangsa bagi bahan monograf (ISBN).

## 1 September 1982

Pengiktirafan Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai perpustakaan (Kod Gaji B11) dengan ijazah sarjana muda.

## 20 September 1982

Perkhidmatan perpustakaan bergerak yang pertama bagi Wilayah Persekutuan dilancarkan dan menyediakan perkhidmatan bagi 20 perhentian di kawasan Sungai Penchala, Kepong, Jinjang, Batu, Segambut, sekali dalam tempoh dua (2) minggu.

## 1983

Indeks kertas kerja seminar dan persidangan dimulakan dan seterusnya penerbitan Indeks Persidangan Malaysia.

## Akhir April 1983

Ketua Pengarah PNM, YBhg. Dato' Mohd Hashim bin Sam Abdul Latiff telah bersara. (Pegawai PTD terakhir mengetuai Jabatan Perpustakaan Negara)

## 3 Mei 1983

Dr. D.E.K. Wijasuriya melaksanakan tugas dengan memangku jawatan Ketua Pengarah PNM. Detik bermulanya sejarah PNM yang julung kali ditadbir dan diurus oleh pustakawan.

## 1985

PNM memindahkan Koleksi Penyerahan Akta dan kakitangannya ke ruang pejabat dan gudang di Segambut dari Bangunan Kerajaan Jalan Perdana, Kuala Lumpur.

## 1 – 31 Julai 1985

Basic Course for Library Assistant di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia berjaya dilaksanakan. 10 peserta dari negara-negara membangun rantau Asia Pasifik telah menyertainya seperti Brunei, Fiji, Indonesia, Kiribati, Pakistan, Tonga dan 19 peserta tempatan.

10 Julai 1985

Penubuhan Pusat Manuskrip Melayu direstui oleh Jemaah Menteri. Perkhidmatan Pusat Manuskrip Melayu dimulakan.

1986

Struktur organisasi PNM dibahagikan kepada empat (4) program iaitu Program Perolehan Koleksi Negara, Perkhidmatan Teknik, Perkhidmatan Perpustakaan dan Perkhidmatan Sokongan.

13 Oktober – 5 Disember 1986

Seramai tujuh (7) orang pustakawan dari Negara Brunei Darussalam, Cook Islands, Indonesia, Thailand, Tonga dan Vanuatu telah mengikuti program penempatan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Awal 1987

Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan diluluskan oleh Parlimen pada Disember 1986 mula diimplementasikan. Dua (2) pusat penyimpanan luar ditubuhkan iaitu di Perpustakaan university Sains Malaysia dan Perpustakaan Negeri Sabah.

Januari 1987

Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) telah diluluskan oleh Parlimen. Dengan pindaan pada Bahagian II, Penubuhan dan Pengurusan Perpustakaan Negara, maka tugas-tugas Ketua Pengarah diperluas dan ditambah selaras dengan perkembangan perpustakaan dan maklumat di Malaysia.

23 Februari 1987

Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu dilantik bagi tempoh dua (2) tahun.

20 Mei 1987

PNM ditempatkan di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan yang sebelum ini di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

1 Mei 1988

Dr. D.E.K. Wijasuriya dilantik sebagai Ketua Pengarah PNM.

8 Jun 1988

Fasa pertama persiapan tapak bangunan PNM iaitu *earthwork*, *pilingwork*, dan *pilecap construction* dimulakan.

26 Ogos 1988

Surat setuju terima telah dihantar kepada Syarikat Solsis (M) Sdn. Bhd. bagi pembekalan system computer bersepadu perisian VTLS.

Akhir 1988

Kerajaan Malaysia bersetuju mewujudkan Pusat Sumber Malaysia di University Ohio, Amerika Syarikat. PNM dipertanggungjawabkan bagi membekalkan bahan-bahan perpustakaan ke Pusat Sumber ini.

1 Mac 1989

Bahagian Prosesan data, PNM ditubuhkan melalui Waran Perjawatan Bil. 76 Tahun 1989.

Proses pengkatalogan PNM mula menggunakan komputer secara atas talian melalui perisian computer VTLS, komputer mini HP 3000 siri 950.

14 Februari 1990

Perkhidmatan Sistem Katalog Dalam Talian (OPAC) telah dimulakan di PNM.

April 1990

Tuan Haji Yang Amri bin Kamaruddin dilantik menjadi Ketua Pengarah PNM setelah Dr. D.E.K. Wijasuriya bersara wajib pada 22 November 1989.

4 September 1990

Puan Mariam Abdul Kadir dilantik sebagai Pemangku Ketua Pengarah PNM.

27 Oktober 1990

PNM dipindahkan dari pentadbiran di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ke bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia.



## 26 Disember 1990

Menteri Pendidikan Malaysia melawat PNM. Beliau mengumumkan bahawa urus setia Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan akan dipindahkan dari Dewan Bahasa dan Pustaka ke PNM.

## 1991

PNM beroperasi di dua (2) premis yang disewa iaitu di Kompleks Exchange Square, Jalan Semantan (Bahagian Pentadbiran dan Kewangan; Bahagian Penyerahan Akta, Hadiah dan Pertukaran; Bahagian Perolehan; Bahagian Perancangan dan Pembangunan; Bahagian Latihan dan Unit Bergerak) dan Wisma Thakurdas/Sachdev (Bahagian Rujukan; Pusat Manuskrip Melayu; Bahagian Pinjaman; Bahagian Katalog; Bahagian Bibliografi dan Indeks; Bahagian Pemeliharaan dan Reprografi dan Bahagian Pemerosesan Data.

## 29 Januari 1991

YB Menteri Pendidikan Malaysia mengumumkan secara rasmi perpindahan urus setia Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan akan dipindahkan dari Dewan Bahasa dan Pustaka ke PNM.

## 2 Februari 1993

Perkhidmatan PNM dibuka kepada orang ramai di bangunan baru di 232, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

## September 1994

Pusat Sumber Hipermedia Kanak-Kanak dibuka. Pusat ini bernilai RM1 juta adalah sumbangan Syarikat Esso Malaysia Inc.

## 16 Disember 1994

Bangunan PNM telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Bagi memperingati peristiwa ini, setem kenang-kenangan PNM dilancarkan pada tarikh yang sama.

## 12 Disember 1995

Pusat sumber terbitan Malaysia di *Royal Institute of Linguistics and Anthropology (KLTV) Leiden, Netherland* ditubuhkan.

## 2000

Perpustakaan Negara Malaysia mendapat persijilan MS ISO 9001 : 2000.

## 2002

Penstrukturan semula organisasi PNM ke arah pementapan jentera pentadbiran dan pengurusan perpustakaan. Pelbagai perjawatan dan beberapa bahagian baru diwujudkan.

## 2003

Beberapa Bahagian (Pejabat Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat; Pejabat Pengarah Pembangunan Koleksi Negara dan Pendokumentasian; Pusat Penyerahan Terbitan Negara; Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pusat Bibliografi Negara; Bahagian Khidmat Teknik; Bahagian Gerakan Literasi Maklumat; Bahagian Penerbitan; Bahagian Rangkaian Perpustakaan; Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan dan Bahagian Penyelidikan Perpustakaan) di PNM telah berpindah ke Bangunan TH Selborn, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

## 2006

Bahagian Pinjaman memulakan operasi di aras 3 dan 4, Bangunan Wisma Sejarah, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

## 2010

Menara Perpustakaan Negara Malaysia siap dibangunkan dan mula diduduki pada bulan Julai 2010.

Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006)

Perpustakaan Negara Malaysia ialah sebuah jabatan persekutuan di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Perpustakaan Negara Malaysia ditubuhkan di bawah Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006). Akta ini dipinda pada tahun 1987 selaras dengan perkembangan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat di Malaysia. Selain daripada itu, akta ini disokong oleh Peraturan-Peraturan Perpustakaan Negara 1993 (Pindaan) P.U. (A) 294; Peraturan-Peraturan Perpustakaan Negara (Bayaran dan Denda) 1993 P.U. (A) 295 dan Peraturan-Peraturan Perpustakaan Negara 1977 P.U. (A) 365.



## Objektif Penubuhan Perpustakaan Negara

Maksud dan objektif Perpustakaan Negara Malaysia seperti diperuntukkan dalam Bahagian II, Seksyen 3 Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006) adalah seperti berikut:

- menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;
- memudahkan capaian seluruh negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara dan;
- mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan.

## Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)

Akta Penyerahan bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) menetapkan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Penyerahan Terbitan Negara. Maksud dan tujuan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Penyerahan Terbitan Negara adalah seperti berikut:

- Untuk menyediakan bagi pemuliharaan dan penggunaan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia.
- Untuk mewujudkan rekod bibliografi yang standard bagi bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia.
- Untuk menyelenggarakan rekod statistik bahan perpustakaan di Malaysia.



# Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia

## Ahli Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia 2010 - 2013

Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia ditubuhkan mengikut peruntukan Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006), Bahagian III, Seksyen 5(1). Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia berperanan memberikan nasihat kepada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia berhubung dengan pembangunan dan perkhidmatan perpustakaan di Malaysia.

Ahli Lembaga Penasihat yang dilantik oleh Y.B. Menteri Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) adalah seperti berikut:

- YBhg. Dato' Sri Dr. Halim Shafie (Pengerusi)
- YBhg. Tan Sri Ramon V. Navaratnam (Ahli)
- YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Hajah Nik Safiah Haji Abdul Karim (Ahli)
- YBhg. Dato' Ng Tieh Chuan (Ahli)
- YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh (Ahli)
- YM Raja Datin Paduka Fuziah Raja Tun Uda (Ahli)
- Prof. Dr. Juhana Salim (Ahli)
- Encik Azahar Mohd. Noor (Ahli)

### Ex-Officio

- YBhg. Datuk Hj. Ab. Ghaffar A. Tambi  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)  
Wakil bagi Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK)  
(Menggantikan YBhg. Dato' Mohammed bin Mohd daud yang telah bersara pada 9 Februari 2011)
- YBhg. Dato' Raslin Bin Abu Bakar  
Ketua Pengarah  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Selaku Setiausaha Mesyuarat

Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan mesyuarat sebanyak satu (1) kali iaitu pada 5 Julai 2011. Antara perkara-perkara penting yang telah dibincangkan pada mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:


- Pembangunan industri penerbitan di Malaysia dan peranan PNM.
- Pembangunan perpustakaan di Malaysia dan peranan PNM.
- Status pelaksanaan perkhidmatan u-Pustaka.
- Program / aktiviti Perpustakaan Negara Malaysia 2011.
- Perbandingan statistik Perpustakaan Negara Malaysia
- Lawatan penandaarasan ke Singapura.

Di samping itu, Lembaga Penasihat PNM juga turut aktif dan banyak menyokong aktiviti/program PNM dengan menyertai majlis-majlis yang dianjurkan oleh PNM.



Ahli Lembaga Penasihat PNM sedang bermesyuarat pada 5 Julai 2011 di PNM.

# Ahli Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia 2010 – 2013



1. **YBHG. DATO' SRI DR. HALIM SHAFIE**  
Pengerusi
2. **YBHG. DATUK HJ. AB. GHAFAR A. TAMBI**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), KPKK
3. **YBHG. DATO' RASLIN ABU BAKAR**  
Setiausaha

4. **YBHG. PROF EMERITUS DATUK DR. NIK SAFIAH ABDUL KARIM**  
Ahli
5. **YBHG. TAN SRI (Dr.) RAMON V. NAVARATNAM**  
Ahli



6. **YM RAJA DATIN PADUKA FUZIAH RAJA TUN UDA**  
Ahli

7. **YBHG. PROF. DATO' DR WAN HASHIM WAN TEH**  
Ahli

8. **YBHG. DATO' NG TIEH CHUAN**  
Ahli

9. **YBHG. ENCIK AZAHAR MOHD NOOR**  
Ahli

10. **YBHG. PROF. DR JUHANA SALIM**  
Ahli



# Pengurusan Tertinggi Perpustakaan Negara Malaysia 2011



**MAIZAN ISMAIL**  
Pengarah  
Pembinaan Koleksi Negara  
dan Pendokumentasian

**NORMA MOHD DARUS**  
Pengarah  
Perpustakaan Negara  
Negeri Perlis

**SALBIAH MOHAMMAD YUSOF**  
Pengarah  
Prasarana Ilmu  
dan Maklumat

**FADHILAH AINI MD YUSOF**  
Pengarah  
Pembangunan  
Sumber Manusia

**NORAZWANA YUSOP**  
Pengarah  
Bahagian Teknologi Maklumat

**NAFISAH AHMAD**  
Pengarah  
Perkhidmatan Perpustakaan  
Digital Nasional



**SITI RODZIAH OTHMAN**  
Timbalan Ketua Pengarah


**ABDUL RAHMAN SUDIN**  
Pengarah  
Perkhidmatan Maklumat Umum

**REMELI AWANG**  
Pengarah  
Khidmat Pengurusan dan Sumber  
Manusia (mulai Disember 2011)

**YBHG. DATO' RASLIN ABU BAKAR**  
Ketua Pengarah

**AB RAHMAN MOHD NOOR**  
Pengarah  
Khidmat Pengurusan dan Sumber  
Manusia (sehingga Disember 2011)

**KAMARUDIN MAT NATA**  
Pengarah  
Perancangan dan  
Perhubungan Korporat



# CARTA ORGANISASI

## Perpustakaan Negara Malaysia 2011





# PENCAPAIAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA





# Pencapaian Perpustakaan Negara Malaysia 2011

## Pengurusan dan Perancangan Strategik Jabatan

Dalam meletakkan hala tuju PNM pada satu landasan yang tepat dengan misi dan visi Jabatan, PNM sentiasa memantau dan mengkaji semula Pelan Strategik PNM (2009-2013) serta merangka dan menilai KRA dan KPI Jabatan bagi setiap tahun. Pelan Strategik PNM yang menggariskan lima (5) teras perkhidmatan utama, 17 objektif dan 63 strategi ini akan ditambahbaik dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan semasa. Menyedari kepentingan sumber manusia dalam memastikan pentadbiran dan pengurusan Jabatan serta perkhidmatan perpustakaan berjalan lancar, pada tahun 2011 satu Retreat Penstrukturan Pemantapan Perjawatan PNM telah diadakan di Melaka bagi membincangkan dan mengkaji struktur organisasi perjawatan sedia ada dan keperluan di masa hadapan.

Pencapaian KPI PNM bagi tahun 2011 menunjukkan peningkatan berbanding sasaran pencapaian yang ditetapkan contohnya bagi kumulatif keahlian PNM mencatatkan 1,000,278 orang, peningkatan Koleksi PNM bagi tahun semasa sebanyak 289,520 naskah, 99% peratus perbelanjaan mengurus (ABM) dan 98% kakitangan PNM telah menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun. Pada tahun 2011, dua (2) Dasar Sedia Ada iaitu Dasar Pelupusan Sumber Perpustakaan dan Dasar Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia telah dikaji semula dan satu (1) dasar baru iaitu Dasar Koleksi Khas Perpustakaan Negara Malaysia telah disediakan.

## Transformasi Perkhidmatan Perpustakaan

Lanjutan daripada Projek rintis U-Pustaka yang telah dilancarkan pada 31 Mac 2011, yang merupakan salah satu projek mega yang memanifestasikan sinergi kolaboratif KPKK menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

## Statistik Perpustakaan Negara Malaysia Tahun 2009 – 2011

PARAMETER	TAHUN 2009	TAHUN 2010	TAHUN 2011	Kumulatif
<b>KEAHLIAN BERDAFTAR</b>	55,933	56,676	78,272	1,000,278
Kanak-Kanak	15,243	9,068	6,076	149,661
Dewasa	40,690	47,608	72,196	850,617
<b>PENGUNJUNG</b>	413,735	464,317	416,672	
Kanak-Kanak	104,173	121,899	84,917	n.a
Dewasa	309,562	342,418	331,755	n.a
<b>PINJAMAN BAHAN</b>				
Kanak-kanak	174,630	375,866	548,674	n.a
Dewasa	195,328	400,481	485,833	n.a
<b>PENGGUNA PERKHIDMATAN</b>	327,809	303,355	292,667	n.a
Perkhidmatan Maklumat Malaysiana	142,283	99,124	119,757	n.a
Perkhidmatan Maklumat Umum	32,307	47,235	59,216	n.a
Perkhidmatan Digital	57,844	62,141	57,933	n.a
Perkhidmatan Manuskrip Melayu	465	205	283	n.a
Perkhidmatan Pakar Maklumat	22,649	24,656	4,345	n.a
Perkhidmatan Wi-Fi	15,565	23,477	30,429	n.a
Perkhidmatan Zon Siber	56,696	69,994	51,133	n.a

Sumber: Bahagian Penyelidikan Perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia - 2011

dengan sokongan PNM serta ahli-ahli Konsortium u-Pustaka, terkini sebanyak 8 Perpustakaan telah menyertai projek rintis ini. u-Pustaka yang merupakan satu model perkhidmatan atas talian yang menggunakan kemudahan jalur lebar dan beroperasi di atas platform Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA) menerusi Katalog Induk Kebangsaan (KIK) dan Sistem Perbekalan Penerbitan (SPP) ini membolehkan masyarakat meminjam buku tanpa batasan masa dan tempat. Terkini, catatan pengguna yang melayari portal u-Pustaka adalah seramai 96,681 orang.

Menyedari kepentingan pendedahan maklumat disemua peringkat umur, PNM juga telah menambahbaik perkhidmatan dengan menaiktaraf Pusat Hipermedia Kanak-kanak serta perkhidmatan Zon Siber. PNM juga sentiasa menyuntik elemen kemahiran maklumat dan ICT di kalangan pengguna dengan mengadakan aktiviti seperti Program Literasi Maklumat.

### Penggerak Program Membaca Peringkat Kebangsaan

PNM sebagai Penggerak Utama Program Membaca Peringkat Kebangsaan sentiasa proaktif dalam merencana sinergi dan strategi aktiviti membaca merentasi pelbagai peringkat umur, lokasi, etnik, kaum dan agama. Kajian Olahan Semula Profil Membaca Rakyat Malaysia 2010 menunjukkan peningkatan yang amat positif di mana pembacaan rakyat Malaysia meningkat sebanyak 8 sehingga 12 buah buku setahun berbanding dua (2) buah buku berdasarkan kajian tahun 2005.

Sinergi yang dilaksanakan Jabatan contohnya promosi melalui penerbitan rancangan TV, pelantikan Ikon Membaca dan promosi berganda di tempat tumpuan awam termasuk medium pengangkutan awam seperti keretapi dan feri memberi corak pendekatan yang lebih menarik dan lebih mesra rakyat. Ironinya, setiap aktiviti membaca yang dijalankan oleh PNM menerapkan nilai-nilai gagasan 1Malaysia dan budaya bangsa melalui wadah ilmu dan maklumat. Pada tahun 2011, sebanyak 31 Program Membaca 1Malaysia telah berjaya dilaksanakan dan penyertaan masyarakat adalah menjangkau 1,688,565 orang.

### Penggerak Program Pembudayaan Tulisan Jawi

PNM juga memainkan peranan dalam usaha menyemarakkan Program Pembudayaan Tulisan Jawi dan sepanjang tahun 2011, sebanyak 21 aktiviti telah dijalankan dengan jayanya dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia serta agensi seperti JAKIM, IKIM, DBP dan Yayasan Restu. Antara program berskala besar yang berjaya dilaksanakan pada tahun 2011 ialah Karnival

Jawi yang melibatkan pengisian aktiviti seperti Pertandingan Mari Mewarna Jawi, Pintar Jawi, dan Bengkel Klinik Dr. Jawi. Pada tahun 2011 juga, satu Persidangan Kebangsaan Tulisan Jawi Kali Kedua yang bertujuan untuk memartabatkan penggunaan tulisan Jawi di peringkat kebangsaan juga telah berjaya dilaksanakan.

### Menyokong Hasrat Kerajaan dalam Memartabatkan Seni Budaya, Warisan Negara dan Gagasan 1Malaysia

Selain daripada melaksanakan aktiviti utama Jabatan, PNM juga bergiat aktif dalam usaha memartabatkan seni budaya warisan negara dan juga menyokong penuh hasrat Kerajaan dalam menerapkan elemen Gagasan 1Malaysia di kalangan masyarakat setempat. Pada tahun 2011, Jabatan telah berjaya melaksanakan 32 aktiviti seperti Pertandingan Mengalun Nazam Peringkat Kebangsaan 2011, Program Kenali dan Cintai Pusi: Teromba, Wacana Minda, Pertandingan Seni Khat Kebangsaan 2011 "Rukun Negara", Kursus Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing, Pertandingan Bercerita Cerita Rakyat Peringkat Kebangsaan 2011 dan lain-lain. Apa yang lebih menarik, pada tahun 2011 satu lagi program Maraton Pembudayaan Pusi 1Malaysia dilaksanakan yang merupakan kesinambungan daripada puisi 1Malaysia yang dijalankan pada tahun 2010.

### Pembangunan Perpustakaan Merentasi Negeri

Keterangkuman perkhidmatan dan pembangunan perpustakaan dalam konteks yang lebih luas turut melibatkan peranan 1,089 buah Perpustakaan Desa (PD) di seluruh Malaysia. Daripada jumlah ini, sebanyak 614 unit PD telah dibina bawah Peruntukan Pembangunan (RMKe-6 hingga RMKe-8) yang ditadbir oleh Perpustakaan Awam Negeri manakala 475 unit PD telah dibina bawah Peruntukan Khas Belanja Mengurus Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2011 Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM33 juta bantuan belanja mengurus kepada Perpustakaan Awam Negeri dan RM31 juta untuk pengurusan Perpustakaan Desa. Di bawah RMK-10 juga, satu (1) Perpustakaan Awam Cawangan iaitu Perpustakaan Awam Cawangan Pekan, Pahang telah berjaya dilaksanakan mengikut perancangan. Dua (2) projek yang masih dalam tempoh pelaksanaan ialah Perpustakaan Negeri Pahang dan Perpustakaan Pekan Tasek Gelugor, Pahang.

Jumlah kumulatif koleksi Perpustakaan Desa dari tahun 2005 sehingga tahun 2011 adalah mencecah 5,345,674 naskah. Dalam menyokong Program Transformasi Kerajaan dan Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar, sehingga tahun 2011 juga sebanyak 862 Perpustakaan Desa telah dilengkapi dengan kemudahan



Internet. Kemudahan yang disediakan ini adalah dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Kementerian Teknologi dan Alam Sekitar (KTAK) di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP).

### Inovatif Pembangunan LCT Merentasi Sempadan

Ke arah memperkasakan perkhidmatan perpustakaan berteraskan ICT, PNM sentiasa memantau pembangunan ICT Jabatan melalui Pelan Strategik Teknologi Maklumat 2010 -2013. Pada tahun 2011, rekod bibliografi Portal Katalog Induk Kebangsaan (KIK) telah mencatatkan peningkatan 190,481 rekod dan pendigitalan bahan perpustakaan adalah mencatatkan peningkatan 108,798 bahan. Adalah turut membanggakan apabila Portal PNM turut mendapat penarafan 5 Bintang melalui *Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA)* dan ini menunjukkan bahawa PNM sentiasa berusaha menyediakan kemudahan sumber akses maklumat negara kepada seluruh masyarakat.

### Sinergi Ke Arah Meningkatkan Produktiviti, Kualiti, Inovasi Serta Penyelidikan & Pembangunan (R&D) Jabatan.

PNM telah melaksanakan Sstem Pengurusan Kualiti (SPK) bermula pada tahun 1994. Di atas kecemerlangan yang ditunjukkan Jabatan dalam melaksanakan SPK, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah menganugerahkan Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 berkuatkuasa 9 April 2010 hingga 8 April 2013. Pensijilan ini yang juga mendapat pengiktirafan Badan Pensijilan Antarabangsa iaitu *International Certification Network (IQNet)* sekali lagi berjaya dikekalkan pada tahun 2011 setelah melepasi tapisan Audit Pemantauan SIRIM QAS dapat dikekalkan pada tahun 2011. Pada tahun 2011 juga menyaksikan, pencapaian Piagam Pelanggan PNM menunjukkan pencapaian yang memberansangkan iaitu 97.77%.

Dalam menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan kakitangan juga, sebanyak 7 kumpulan KIK diperingkat Jabatan telah berjaya ditubuhkan bagi tahun 2011. Adalah menjadi kebanggaan apabila Kumpulan NADI yang mewakili PNM telah memenangi tempat ke-2 Konvensyen KIK peringkat Kementerian 2010 dan sekali lagi terpilih untuk mewakili Kementerian dalam Konvensyen KIK peringkat Wilayah Persekutuan pada 13-14 September 2011 dengan tajuk projek "Kesukaran Menjilid Buku Melebihi 2 sentimeter". Selain daripada itu, bagi merencana hala tuju dan sinergi perkhidmatan PNM bagi tempoh semasa, sebanyak dua (2) kajian telah berjaya dilaksanakan iaitu Kajian Kekukuhan Koleksi PNM dan Kajian Tinjauan Awal Program Mari Membaca 1Malaysia "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan" di Stesen Sentral Kuala Lumpur.

### Jaringan Pakatan Strategi Dan Hubungan Kerjasama di Peringkat Kebangsaan, Serantau dan Antarabangsa

Dari ke tahun ke tahun, telah memperlihatkan bahawa profesyen kepustakawanan telah dapat diperkukuhkan melalui jaringan pakatan strategi jangka panjang sama ada di peringkat serantau mahupun antarabangsa. Antara persidangan/bengkel yang telah disertai ialah *Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL)*, *Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania (CDNL-AO)* serta *Networking of East Asia Cultural Heritage (NEACH)*. PNM juga telah dilantik menjadi *focal point* program Asia Pacific Information Network (APIN) bagi peringkat kebangsaan. Sepanjang tahun 2011, PNM telah menerima sebanyak 18 lawatan dari luar negara dan 88 lawatan dalam negara di mana tujuan lawatan secara khususnya adalah untuk bertukar-tukar fikiran dan mengadakan penandaarasan berkaitan perkhidmatan perpustakaan.

Pada tahun 2011 juga, PNM turut diperuntukkan dana sebanyak RM 20,000.00 bagi mengendalikan *Training of Trainers Workshop on Media and Information Literacy* oleh Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM/UNESCO), Kementerian Pelajaran Malaysia. PNM juga telah berjaya menganjurkan *International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) International Newspaper Conference 2011* pada 25-27 April 2011 yang bertujuan membincangkan amalan terbaik mengenai isu-isu persuratkhabaran global serta kaedah dan teknologi terkini yang diamalkan oleh negara-negara maju dalam memelihara dan memulihara suratkhbar sebagai warisan negara.

Selain daripada itu, Jabatan telah berjaya mengadakan Seminar Transformasi Perkongsian Sumber Perpustakaan yang bertujuan membincangkan isu-isu dan cabaran berkaitan dengan Perkhidmatan Sistem Pembekalan (SPP) dan perkhidmatan Katalog Induk Kebangsaan (KIK) serta u-Pustaka 1Malaysia.



Kunjungan hormat ke pejabat Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia oleh delegasi Korea College Association pada 19 Disember 2011.



# PERISTIWA PENTING





## Peristiwa Penting



21 Januari 2011

YB Dato' Joseph Salang, Timbalan Menteri KPKK sedang meneliti salah satu bahan bacaan di Sudut Bacaan sempena Program Membaca 1Malaysia: Aram Kitai Macha 1Malaysia di Sarikei, Sarawak.

24 Januari 2011

Majlis Perutusan Tahun Baru PNM 2011 oleh YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM yang dihadiri oleh semua warga PNM.



29 Januari 2011

YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri KPKK ketika menyertai Program Mari membaca 1Malaysia : Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan Siri 1 dari Stesyen Sentral Kuala Lumpur ke Stesyen Ipoh, Perak.

1 Mac 2011

Lawatan khas oleh pegawai dari *IFLA Governing Board* ke PNM bagi pembidaan penganjuran *WLIC International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) 2013*.



25 Mac 2011

YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim dan Ikon Membaca Kebangsaan YBhg. Datuk Michelle Yeoh membaca beramai-ramai sempena Program Mari Membaca 1Malaysia di PNM.



31 Mac 2011

Majlis Pelancaran u-Pustaka 1Malaysia yang disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri KPKK di PNM.





5 April 2011



Mesyuarat Penutup Audit Pemantauan oleh SIRIM QAS International di PNM.



23 April 2011



Majlis Pelancaran Buku sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur oleh YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).



25 April 2011



YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri KPKK bergambar bersama *IFLA Newspaper Section Committee* dan pembentang kertas kerja sempena *Majlis Perasmian IFLA International Newspaper Conference 2011* di PNM.





## 12 Mei 2011

Majlis Perasmian Perpustakaan Mini PruBSN oleh YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM di Petaling Jaya, Selangor.

## 17 Jun 2011

Penyerahan Perjanjian Pengambilalihan Khidmat Pengurusan Sumber Manusia Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis di bawah Perpustakaan Negara Malaysia oleh YAB Dato' Seri Dr. Mad Isa Sabu, Menteri Besar Perlis di PNM.



## 26 Jun 2011

YB Hajah Nancy Haji Shukri, Ahli Parlimen Batang Sadong sedang berbual dengan kanak-kanak mengenai buku yang dibaca selepas Majlis Perasmian Program Mari Membaca 1Malaysia @ Batang Sadong di Sarawak.







## 20 Julai 2011



YB Dato' Hassan bin Malik, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM bersama-sama masyarakat Orang Asli selepas Majlis Perasmian Program 'Mari Membaca 1Malaysia : Cip Bacak Nei Malaysia' bersama Kementerian Kemajuan Luar Bandar di RPS Air Banun Gerik, Perak.



## 9 Ogos 2011



YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM di Majlis Menandatangani Perjanjian Penajaan Penerbitan Sisipan Jawi Utusan Melayu Mingguan Penajaan Penerbitan Sisipan Jawi Utusan Melayu antara PNM dan Encik Mohd Kamil Yusuff, Pengarang Utusan Melayu Mingguan Utusan Melayu (Malaysia) di PNM.



## 13 Ogos 2011



D.Y.T.M. Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Raja Puan Muda, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Dato' Akashah Khalil sedang meneliti buku-buku bersama pegawai TLDM sempena Majlis Pelancaran 'Mari Membaca 1Malaysia : Seluas Lautan Ilmu' Ditimba di Kapal Selam KD Sri Kedah, Pangkalan TLDM Teluk Sepanggar, Sabah.





24 September 2011

Majlis Perasmian sambutan Program *National Literacies Day 2011* yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM di PNM.

25 September 2011



YB Datuk Hajah Azidah Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Dun, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah melawat sudut bacaan sempena Majlis Perasmian Program Mari Membaca 1Malaysia : Bacalah Manjaku di Wad Pediatrik Hospital Beaufort, Sabah.



4 Oktober 2011

YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM dan pegawai dari ExxonMobil melawat Pusat Hipermedia Kanak-Kanak yang baru dinaik taraf di PNM.



31 Oktober 2011



YBhg. Datuk Ab Ghaffar A. Thambi, Timbalan Ketua Setiausaha (K) KPKK menerima sijil penghargaan sempena Maraton Pembudayaan Puisi 1Malaysia di ASWARA, Kuala Lumpur.





22 hingga 24 November 2011

Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad sedang memberikan taklimat semasa Bengkel *Training of Trainers Workshop on Information Literacy and Media* di PNM.

10 Disember 2011



Tetamu Kehormat bergambar bersama-sama para pemenang bagi Pertandingan Bercerita, Cerita Rakyat Peringkat Kebangsaan 2011 di PNM.



20 Disember 2011

YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri KPKK bergambar bersama-sama dengan penerima anugerah sempena Majlis Penghargaan Buku Terbaik PNM yang diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331).



28 Disember 2011



YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM meraikan ahli PNM yang ke sejuta iaitu Puan Nurussaadah bte Muhammad di PNM.



# Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

## Pendahuluan

Perpustakaan Negara Malaysia adalah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia yang diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah, Timbalan Pengarah dan Ketua Bahagian.

Struktur Organisasi Jabatan terbahagi kepada 3 program dan 6 aktiviti berikut:

### Program Pengurusan

- Aktiviti Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
- Aktiviti Perancangan dan Perhubungan Korporat

### Program Pembangunan Perpustakaan

- Aktiviti Prasarana Ilmu dan Maklumat
- Aktiviti Pembinaan Koleksi Negara dan Pendokumentasian

### Program Perkhidmatan Maklumat

- Aktiviti Perkhidmatan Maklumat Malaysiana
- Aktiviti Perkhidmatan Maklumat Umum

Di samping itu, terdapat 22 Bahagian (Sub-aktiviti) dan satu Unit. Setiap aktiviti diketuai oleh Pengarah dan Bahagian pula diketuai oleh Timbalan Pengarah atau Ketua Bahagian. Unit Audit Dalam diketuai oleh Ketua Audit. Bahagian-bahagian ini menjalankan pelbagai fungsi yang berlainan ke arah mencapai objektif dan matlamat Perpustakaan Negara Malaysia.

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia mengandungi 4 unit yang menjalankan 4 fungsi, iaitu Khidmat Pengurusan, Pengurusan Sumber Manusia, Perancangan Sumber Manusia dan Kewangan.

### Khidmat Pengurusan

Fungsi utama Unit Khidmat Pengurusan adalah urusan pentadbiran Jabatan yang bertanggungjawab menguruskan keselamatan bangunan, penyenggaraan bangunan, urusan kenderaan Jabatan, kantin dan sebagainya. Bahagian ini juga menjadi urus setia kepada beberapa aktiviti seperti:

- Majlis Bersama Jabatan
- Perhimpunan Bulanan dan
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK)

### Penyenggaraan Bangunan

Penyenggaraan bangunan dijalankan oleh syarikat swasta iaitu Hitech Skills Sdn. Bhd. yang dilantik secara kontrak sehingga bulan Mei 2011 dan Putek Niaga Sdn Bhd mulai Jun 2011. Kerja-kerja yang dijalankan oleh syarikat tersebut ialah penyenggaraan bangunan termasuk dari segi sistem sivil, mekanikal dan elektrik, pembersihan dalam bangunan, pembersihan kawasan dan lanskap dan pengawalan makhluk perosak.

Sepanjang tahun 2011, Jabatan telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil bangunan, pengindahan kawasan dan menjalankan kerja-kerja penambahbaikan kemudahan-kemudahan untuk staf dan pengguna perpustakaan.



## Keselamatan Jabatan

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia adalah sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Keselamatan Jabatan dan terdapat tiga (3) jawatankuasa lain di bawahnya, iaitu Jawatankuasa Mencegah Kebakaran, Jawatankuasa Pelan Kontingensi dan Jawatankuasa Pertolongan Cemas

Urusan keselamatan bangunan dan kawasan sekitarnya diberi kepada Syarikat Exact Security Services (M) Sdn. Bhd. sehingga bulan Julai 2011, manakala syarikat Setia Prima Security Sdn Bhd pula mulai bulan Ogos 2011.

## Pengurusan Sumber Manusia

Pada tahun 2011, PNM diluluskan sebanyak 484 jawatan pelbagai gred dan skim perkhidmatan yang dikategorikan seperti berikut:

(i)	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	:	2 jawatan
(ii)	Kumpulan Pengurusan & Profesional	:	142 jawatan
(iii)	Kumpulan Sokongan	:	340 jawatan
	<b>JUMLAH</b>	:	<b>484 JAWATAN</b>

Senarai skim perkhidmatan yang terlibat di bawah pengurusan dan pentadbiran PNM adalah seperti berikut:

## Senarai Perjawatan di Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia Sehingga Disember 2011

JAWATAN	BILANGAN JAWATAN	BILANGAN PENGISIAN	BILANGAN KEKOSONGAN
<b>PENGURUSAN TERTINGGI</b>			
Ketua Pengarah, Pustakawan Gred Utama B	1	1	0
Timb. Ketua Pengarah Pustakawan Gred Utama C	1	1	0
<b>JUMLAH PENGURUSAN TERTINGGI</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>0</b>
<b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>			
Pustakawan Gred S54	6	6	0
Pustakawan Gred S52	2	1	1
Pustakawan Gred S48	18	16	2
Pustakawan Gred S44	9	9	0
Pustakawan Gred S41	95	93	2
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54	1	1	0
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41	3	3	0
Akauntan Gred W41	1	1	0
Juruaudit Gred W41	1	1	0
Pegawai Penerangan S41	1	0	1
Pegawai Teknologi Maklumat F48	1	1	0
Pegawai Teknologi Maklumat F44	1	1	0
Pegawai Teknologi Maklumat F41	3	3	0
<b>JUMLAH PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>	<b>142</b>	<b>136</b>	<b>6</b>
<b>SOKONGAN I</b>			
Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S38	1	1	0
Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S32	12	12	0
Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27	31	31	0



## Senarai Perjawatan Di Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia Sehingga Disember 2011 > Samb.

JAWATAN	BILANGAN JAWATAN	BILANGAN PENGISIAN	BILANGAN KEKOSONGAN
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F32	1	1	0
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29	4	4	0
Penolong Akauntan Gred W27	1	1	0
Penolong Juruaudit Gred W27	1	1	0
Penolong Pegawai Tadbir Gred N32	2	2	0
Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	2	2	0
Penolong Pegawai Perangkaan Gred E32	1	1	0
Pembantu Perpustakaan Gred S22	24	24	0
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	2	2	0
Setiausaha Pejabat Gred N17/N22/N27/N32	2	2	0
Pembantu Akauntan Gred W22	1	1	0
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17/N22	17	17	0
Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N17/N22/N27/N32	7	7	0
Pembantu Tadbir (Kew) Gred W17/W22	7	7	0
Pembantu Akauntan Gred W17/W22	4	4	0
Juruteknik Gred J22	3	2	1
Pembantu Perpustakaan Gred S17/S22	114	113	1
Juruteknik Komputer FT17	3	3	0
Ahli Fotografi B17	2	2	0
Pereka B17	1	1	0
Pembantu Pemuliharaan Gred S17	22	21	1
Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17	3	3	0
<b>JUMLAH SOKONGAN I</b>	<b>268</b>	<b>265</b>	<b>3</b>
<b>SOKONGAN II</b>			
Ahli Fotografi Gred B11	1	0	1
Pembantu Am Pejabat Gred N4	7	7	0
Pembantu Am Pejabat Gred N1	51	51	0
Pemandu Gred R3	11	11	0
Pekerja Rendah Awam Gred R1	2	2	0
<b>JUMLAH SOKONGAN II</b>	<b>72</b>	<b>71</b>	<b>1</b>
<b>JUMLAH KESELURAHAN</b>	<b>484</b>	<b>474</b>	<b>10</b>



Ketua Pengarah Perpustakaan Negara merupakan Ketua Perkhidmatan kepada lima (5) skim Perkhidmatan seperti berikut:

- Pustakawan : 132 jawatan
- Penolong Pegawai Perpustakaan : 44 jawatan
- Pembantu Perpustakaan : 138 jawatan
- Pembantu Am Pejabat; dan : 58 jawatan
- Pemandu Kenderaan : 11 jawatan

Manakala Skim perkhidmatan lain merupakan jawatan kader dari JPA, Akauntan Negara, JKR, Audit Negara, Perangkaan, Jabatan Penerangan dan Jabatan Penyiaran Malaysia.

Unit Pengurusan Sumber Manusia dipertanggungjawabkan mengurus semua perkara yang berkaitan dengan urusan perkhidmatan seperti pengambilan, pelantikan, pengesahan perkhidmatan, penempatan, pertukaran, kenaikan pangkat, tata tertib, pengurusan HRMIS, emolumen, urusan persaraan dan sebagainya.

PNM juga bertanggungjawab mengurus urusan pelantikan dan pengisian jawatan Pustakawan, Penolong Pegawai Perpustakaan dan Pembantu Perpustakaan di agensi-agensi yang menggunakan jawatan kader Perpustakaan Negara Malaysia. Kedudukan perjawatan Gunasama Perpustakaan di PNM dan kader PNM sehingga Disember 2011 adalah seperti berikut:

JAWATAN	GRED	PNM			KEM/JAB/AGENSI			JUMLAH KESELURUHAN KEKOSONGAN	JUMLAH KESELURUHAN JAWATAN
		JWT.	ISI	KOSONG	JWT.	ISI	KOSONG		
Pustakawan	JUSA B	1	1	0	0	0	0	0	1
	JUSA C	1	1	0	0	0	0	0	1
	S54	6	6	0	1	1	0	0	7
	S52	2	1	1	3	3	0	1	5
	S48	18	16	2	11	11	0	2	29
	S44	9	9	0	25	25	0	0	34
(6 Jaw. Diisi oleh 2 S48 (KUP) dan 4 S44 (KUP) di PNM)	S41	95	93	2	142	142	0	2	237
	S48 (KUP)				2	2	0	0	2
	S44 (KUP)	0	0	0	3	3	0	0	3
<b>Jumlah Pustakawan</b>		<b>132</b>	<b>127</b>	<b>5</b>	<b>183</b>	<b>0</b>	<b>5</b>	<b>318</b>	
Penolong Pegawai Perpustakaan	S38	1	1	0	2	2	0	0	3
	S32	12	12	0	19	19	0	0	31
	S27	29	29	0	159	159	0	0	188
<b>Jumlah Pen. Peg. Perpustakaan</b>		<b>42</b>	<b>41</b>	<b>0</b>	<b>180</b>	<b>178</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>222</b>
Pembantu Perpustakaan	S26	0	0	0	2	2	0	0	2
	S22	24	24	0	81	78	3	3	105
	S17	113	112	1	998	961	37	38	1111
<b>Jumlah Pembantu Perpustakaan</b>		<b>137</b>	<b>136</b>	<b>1</b>	<b>1081</b>	<b>1041</b>	<b>40</b>	<b>41</b>	<b>1218</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>311</b>	<b>304</b>	<b>6</b>	<b>1447</b>	<b>1402</b>	<b>40</b>	<b>46</b>	<b>1758</b>

Selaku Ketua Perkhidmatan bagi ketiga-tiga skim perkhidmatan ini, PNM juga bertanggungjawab dalam urusan pertukaran, penempatan dan kenaikan pangkat anggota-anggotanya yang ditempatkan mengisi jawatan kader di agensi-agensi.

## Perancangan Sumber Manusia

Unit ini bertanggungjawab untuk menguruskan semua perkara yang berkaitan dengan urusan Perancangan Sumber Manusia seperti berikut:

### i) Perancangan keperluan tenaga manusia secara optima untuk Jabatan melalui proses Penstrukturan semula Perjawatan PNM

Melalui proses ini, Unit Perancangan Sumber Manusia selaku urus setia akan merancang dan menguruskan mesyuarat serta perbincangan di kalangan Pengurusan Tertinggi PNM bagi mendapatkan idea dan cadangan keperluan jawatan yang boleh memantapkan organisasi PNM.

### ii) Pembangunan Sumber Manusia

Kerajaan sentiasa menghargai perkhidmatan yang telah diberikan oleh semua penjawat awam. Oleh yang demikian, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang diwujudkan bagi memberi penghargaan pada penjawat awam yang berkeelayakan dan bersesuaian mengikut syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, Unit ini selaku urus setia Panel Pembangunan Sumber Manusia PNM akan menguruskan mesyuarat tersebut di setiap awal tahun bagi proses pemilihan calon Anugerah Khidmat Cemerlang PNM. Selain itu juga, Panel Pembangunan Sumber Manusia PNM juga akan memberikan cadangan kursus yang bersesuaian kepada kakitangan yang tidak mencapai produktiviti yang sewajarnya.

### iii) Perjawatan

#### • Pengambilalihan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

Bagi mempertingkatkan keupayaan perkhidmatan perpustakaan dengan lebih mantap dan berkesan kepada masyarakat, pada 16 Mei 2010 suatu perjanjian telah ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Perlis yang mengesahkan pengambilalihan Khidmat Pengurusan Sumber Manusia Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPAN). Dengan pengambilalihan tersebut, PPAN kini dikenali sebagai Perpustakaan Negara Cawangan Negeri Perlis.

#### • Perpustakaan Desa PNM di Seluruh Negara

Selaras dengan menggalakkan masyarakat yang berilmu dan memberikan perkhidmatan ilmu sepanjang hayat di mana jua, sebanyak 475 Perpustakaan Desa (PD) di bawah pengurusan PNM yang diwujudkan melalui projek khas yang diluluskan oleh kerajaan pada tahun 2005, 2006, dan 2007. Sebagai pusat sosial yang memanfaatkan masyarakat setempat di kawasan luar bandar, pelbagai koleksi dan jenis bahan bacaan, alat kelengkapan komputer bagi mengikut keperluan dan teknologi semasa dan ruang serta perabot yang bersesuaian untuk kegunaan masyarakat setempat disediakan. Malah, selaras dengan penubuhan PD tersebut juga, peluang pekerjaan juga dapat diperolehi oleh rakyat iaitu dengan penstrukturan perjawatan yang telah diluluskan dan dilaksanakan iaitu secara *Contract of Service* selama setahun bagi mengendalikan PD di seluruh negara. Skim perjawatan yang telah diluluskan melibatkan tiga (3) skim iaitu:

- a) 141 jawatan Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27 yang bertugas untuk menyelia mengikut zon yang telah ditetapkan.
- b) 475 jawatan Pembantu Perpustakaan Gred S17.
- c) 475 jawatan Pembantu Am Pejabat Gred N1.



Para pegawai PNM yang menyertai Retreat Penstrukturan / Pemantapan Perjawatan Perpustakaan Negara Malaysia pada 10 – 12 Februari 2011 di Melaka.



Sehubungan itu, Unit Perancangan dan Sumber Manusia bertanggungjawab memastikan perjawatan di PD sentiasa dipenuhi agar perkhidmatan yang berterusan dapat diberikan kepada rakyat.

### Aktiviti-aktiviti

- Perhimpunan Bulanan dan Perutusan Tahun Baru**  
 Pada tahun 2011, Jabatan telah mengadakan tiga (3) kali perhimpunan bulanan. Tujuan perhimpunan ini diadakan untuk membolehkan anggota Jabatan ini mendengar amanat dan ucapan yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.



YBhg. Datuk Wira Kamaruddin Siaraf, Ketua Setiausaha KPKK dan YB Dato' Mohd Zabidi Zainal, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis di **Majlis Menandatangani Perjanjian Pengambilalihan Khidmat Pengurusan Sumber Manusia, Perpustakaan Awam Negeri Perlis** pada 16 Mei 2011.

### Kewangan

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan sebuah Jabatan dan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia adalah Pegawai Pengawal. Dalam tahun 2011, Perpustakaan ini telah menerima peruntukan wang berjumlah RM111,228,140.00 untuk belanja mengurus. Perpustakaan Negara Malaysia telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM93,259,653.74 dengan peratus perbelanjaan 98%. Peruntukan ini diagihkan kepada Bahagian-bahagian dan Pengarah dan Ketua Bahagian bertanggungjawab mengurus peruntukan tersebut dengan diselia oleh Ketua Aktiviti, Ketua Program dan Pegawai Pengawal. Peruntukan ini juga turut disalurkan kepada Perpustakaan Awam Negeri di Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai satu Akaun Kumpulan Wang Perpustakaan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006). Selain daripada itu, PNM juga mempunyai satu (1) Akaun Amanah iaitu Akaun Amanah Perpustakaan Negara Malaysia.



Johan pengurusan kewangan terbaik sempena **Sambutan Hari Inovasi 2011** Peringkat KPKK.

## Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2011 Perpustakaan Negara Malaysia

1. **Maizan binti Ismail**  
Pustakawan S54
2. **Nor O'Baidah binti Abidin**  
Pustakawan S48
3. **Faizal Hilmie bin Yusof**  
Pustakawan S44
4. **Haji Muhammad bin Haji Harun**  
Pustakawan S41
5. **Mazidah binti Abd Rahman**  
Pustakawan S41
6. **Nik Irfah Rumaizah binti Ibrahim**  
Pustakawan S41
7. **Junaidah binti Rosliy**  
Pustakawan S41
8. **Wan Yuhaimisham bin Wan Yusoff**  
Pustakawan S41
9. **Mohamad Shuhada bin Paiman**  
Pustakawan S41
10. **Nooriman binti Sulaiman**  
Pustakawan S41
11. **Subramaniam a/l Kuppusamy**  
Penolong Pegawai Perpustakaan S32
12. **Zakaria bin Deros**  
Penolong Pegawai Tadbir N32
13. **Nur Amalina binti Mohamed Anawa**  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29
14. **Siti Shafarah binti Shamsudin**  
Penolong Pegawai Perpustakaan S27
15. **Abd Aziz bin Tahir**  
Pembantu Perpustakaan S22
16. **Che Mariam binti Md Amin**  
Pembantu Perpustakaan S22
17. **Hj. Zolkeplai bin Hj. Abdul Wahid**  
Pembantu Perpustakaan S22
18. **Patimah binti Abd Rahman**  
Pembantu Perpustakaan S22
19. **Jama'iah binti Yusof**  
Pembantu Perpustakaan S22
20. **Anita binti Mohd Jusoh**  
Pembantu Akauntan W22
21. **Mohd Yussof bin Osman**  
Pembantu Perpustakaan S17
22. **Siti Natasha Yusma binti Ismail**  
Pembantu Perpustakaan S17
23. **Suzila binti Ramli**  
Pembantu Perpustakaan S17
24. **Nur Hidayah binti Alias**  
Pembantu Perpustakaan S17
25. **Ab Aziz bin Abdul Khaled**  
Pembantu Pemuliharaan S17
26. **Siti Suhaida binti Marhad**  
Pembantu Perpustakaan S17
27. **Khuraisah binti Ibrahim**  
Pembantu Perpustakaan S17
28. **Haslinda binti Abdullah**  
Pembantu Perpustakaan S17
29. **Noor Azlina binti Jamaluddin**  
Pembantu Perpustakaan S17
30. **Wan Yuzi binti Wan Razali**  
Pembantu Perpustakaan S17
31. **Khairul Anuar bin Abu Bakar**  
Pembantu Perpustakaan S17
32. **Muhamad Marzuki bin Che Samsudin**  
Juruteknik Komputer FT17
33. **Hayati binti Othman**  
Pembantu Tadbir N17
34. **Mohd Hafi bin Mohd Hassan**  
Pembantu Am Pejabat N4
35. **Nik Mohd Fauzi bin Mat**  
Pemandu Kenderaan R3
36. **Jasni bin Amir Hamzah**  
Pembantu Am Pejabat N1
37. **Khairulearmili bin Jassmi**  
Pembantu Am Pejabat N1
38. **Iskandar bin Borhan**  
Pembantu Am Pejabat N1





# Pembangunan Sumber Manusia

PNM telah menyediakan pelbagai kursus, bengkel, latihan dan ceramah kepada semua kakitangan PNM termasuk kakitangan dibawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan serta lain-lain jabatan yang memerlukan latihan berkaitan bidang perpustakaan dan kepustakawanan. Selain daripada itu, PNM juga telah menghantar pegawai-pegawai menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh agensi luar/jabatan lain serta agensi swasta.

Berikut adalah beberapa kategori aktiviti/kursus yang telah dijalankan sepanjang tahun 2011.

- Program Pembangunan Sumber Manusia PNM
- Peperiksaan
- Kursus Tempatan (Luar Jabatan)
- Latihan Praktik dan Penempatan
- Kursus/ Seminar Luar Negara
- Kursus Bagi Petugas Perpustakaan Desa
- Kursus Induksi
- Kursus MS ISO
- Permohonan Hadiah Latihan (HLP)

## Program Pembangunan Sumber Manusia

Pada setiap tahun, PNM menyediakan pelbagai Kursus/Bengkel kepada semua kakitangan PNM dan juga kakitangan dari Perpustakaan Gunasama bagi meningkatkan kompetensi dan pembangunan diri. Bagi tahun 2011, PNM telah menjalankan sebanyak 48 kursus/ bengkel /ceramah yang meliputi pelbagai bidang seperti seperti bidang Kepustakawanan, Pengurusan, Kewangan, ICT dan sebagainya. Sebanyak RM297,780.00 telah dibelanjakan bagi membiayai kos kursus/bengkel/ceramah di bawah peruntukan sedia ada BPSM PK 29 000. Sebanyak 25 kursus fungsional dan 23 kursus generik telah dijalankan dengan seramai 2360 peserta telah menghadiri kursus anjuran PNM. Selain dari itu, BPSM juga bertanggungjawab mengendalikan kursus-kursus *ad-hoc* bagi memenuhi keperluan semasa pegawai-pegawai di PNM. Sebanyak tujuh (7) kursus *ad-hoc* telah dijalankan dan 871 orang pegawai PNM telah menghadiri kursus ini.

## Peperiksaan

Pada tahun 2011, PNM telah melaksanakan tiga (3) Ujian Kederasan Menaip bagi Gred N11 dan Gred N17 dan tiga (3) peperiksaan iaitu Peperiksaan Perkhidmatan Subjek jabatan bagi Pembantu

Perpustakaan Gred S17, Peperiksaan Perkhidmatan bagi penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27 dan Peperiksaan Khas untuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) bagi Gred S27. Seramai 611 calon telah menduduki peperiksaan ini pada tahun 2011.

## Kursus Tempatan (Luar Jabatan)

Kursus Tempatan (Luar Jabatan) adalah kursus/bengkel/seminar/persidangan/ceramah/taklimat yang dianjurkan oleh agensi kerajaan atau agensi swasta secara percuma atau berbayar. Sebanyak RM67,071.00 telah dibelanjakan bagi membiayai perbelanjaan kursus tempatan ini. Secara keseluruhannya PNM telah menguruskan seramai 336 orang pegawai dan kakitangan PNM untuk menghadiri kursus tempatan. Sebanyak 48 Kursus berbayar dan 57 Kursus secara percuma telah diuruskan oleh BPSM.

## Latihan Praktik Dan Penempatan

Pada tahun 2011, PNM telah menerima 21 orang peserta untuk menjalani Latihan Praktik Dan Penempatan. Peserta-peserta telah ditempatkan di 22 bahagian di Perpustakaan Negara Malaysia. Ini bagi memberi pendedahan tentang sistem perpustakaan yang dipraktikkan di Perpustakaan Negara Malaysia dalam bidang kepustakawanan di samping meningkatkan kemahiran peserta bagi mempersiapkan diri untuk bekerja di dalam bidang kepustakawanan.

## Kursus/Bengkel/Seminar/Persidangan Di Luar Negara

Sebanyak sembilan (9) kursus/persidangan/seminar luar negara telah diuruskan oleh PNM dan seramai 14 orang pegawai Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menghadiri persidangan/kursus/bengkel dan sebagainya di luar negara. Perbelanjaan bagi menghadiri tersebut adalah menggunakan peruntukan *one-off* luar negara yang berjumlah sebanyak

RM66,406.22 bagi membiayai lima (5) persidangan/kursus manakala selebihnya adalah ditanggung oleh pihak penganjur.

### Kursus Pengurusan Perpustakaan Desa

Sebanyak lapan (8) kursus/bengkel telah dilaksanakan kepada kakitangan Perpustakaan Desa PNM, petugas Perpustakaan Desa Perpustakaan Awam Negeri (PAN) dan kakitangan Perpustakaan Awam Negeri. Kursus ini telah dijalankan dengan menggunakan peruntukan 10% daripada peruntukan latihan di bawah bajet 50 : 50 PAN.

### Kursus Induksi

PNM juga bertanggungjawab dalam memastikan setiap penjawat awam lantikan baru menjalani kursus Induksi Sistem Saraan Malaysia (SSM) Modul Umum dan Modul Khusus sebagai salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan. Sebanyak satu (1) kursus induksi khusus dan dua (2) induksi umum telah dijalankan pada tahun 2011 dan dihadiri oleh seramai 120 orang peserta.

### Kursus MS ISO 9001:2008

Bagi memastikan kepatuhan dan keakuran MS ISO 9001 : 2008, PNM telah menguruskan beberapa siri kursus khususnya kepada pegawai-pegawai pelaksanaan MS ISO jabatan. Kursus-kursus ini amat perlu bagi memastikan pelaksanaan MS ISO dapat dijalankan dengan baik dan dokumen-dokumen penting dapat dikemaskini dari semasa ke semasa. Antaranya kursus yang dijalankan adalah:

- Kursus Kesedaran MS ISO 2008 : 9001
- Kursus *Improvement and Customer Satisfaction*
- Bengkel Perluasan Skop MS ISO 2008 : 9001

### Permohonan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)

Pada tahun 2011, PNM telah menerima permohonan bagi mengikuti kursus peringkat sarjana sesi 2011/2012 daripada pustakawan dari Perpustakaan Negara Malaysia dan Perkhidmatan Gunasama (Gred S41) yang berminat. Pustakawan telah dipilih mengikuti pengajian di peringkat sarjana bagi sesi 2011/2012 adalah Encik Wan Ahmad Fadir Wan Jusoh.

Dua (2) orang Pustakawan akan mengikuti pengajian di peringkat doktor Falsafah (PhD) adalah Puan Begum Ulfhat Shehnaaz binti Amir Razli dan Encik Adam Zulkarnain bin Saleng.

### Kesimpulan

Gred/ Kumpulan	Bilangan Anggota	JANUARI – DISEMBER 2011					
		Bilangan Anggota yang hadir > 7 hari	%	Bilangan Anggota yang hadir < 7 hari	%	Bilangan Anggota yang tidak berkursus	%
JUSA	2	2	100	0	0	0	0
P&P	134	134	100	0	0	0	0
Sokongan I	257	255	99	2	1	0	0
Sokongan II	69	60	87	9	13	1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>462</b>	<b>451</b>	<b>98</b>	<b>11</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>0</b>

Secara keseluruhannya pada tahun 2011, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan dengan pencapaian sebanyak 98% (451 orang) kakitangan PNM yang telah menghadiri kursus bagi tahun ini. Pelbagai program/kursus/bengkel/seminar telah diuruskan bagi memberi peluang kepada kakitangan PNM untuk melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan.



# Perancangan dan Perhubungan Korporat

Aktiviti Perancangan dan Perhubungan Korporat mengandungi tiga (3) bahagian iaitu Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat, Bahagian Penyelidikan Perpustakaan dan Bahagian Penerbitan. Antara fungsi-fungsi yang dijalankan oleh ketiga-tiga bahagian ini adalah pengurusan mesyuarat, perancangan strategik, Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PNM, Sistem Pengurusan Kualiti, pengurusan parlimen, perhubungan awam, hal-ehwal antarabangsa, dasar awam, pengurusan portal PNM, penyelidikan perpustakaan, pengumpulan dan analisa data statistik dan penerbitan.

## Perancangan dan Dasar Korporat

### Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia 2009 – 2013

Pelaksanaan Pelan Strategik ini adalah sebagai panduan dan hala tuju PNM dalam melaksanakan program dan aktiviti dengan lebih sistematik, terancang dan berkesan. PNM melalui Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat sentiasa memantau pencapaian dan mengkaji semula Pelan Strategik PNM 2009 – 2013 setiap tahun. Pelan Strategik PNM yang menggariskan lima (5) teras perkhidmatan utama, 17 objektif dan 63 strategi ini akan ditambahbaik dari masa ke semasa berdasarkan kepada keperluan semasa.

### Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PNM

Dalam usaha untuk mengukur prestasi perkhidmatan ke arah pencapaian kualiti perkhidmatan di Perpustakaan Negara Malaysia, beberapa Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama telah difokuskan kepada 10 perkara seperti di muka surat 109 dan 110.

### KPI Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) KPKK

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menyumbang kepada dua (2) KPI Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Pencapaian KPI Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) adalah seperti di muka surat 109 dan 110.

### Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM

Mesyuarat Lembaga Penasihat telah diadakan sebanyak satu (1) kali bagi tahun 2011 iaitu pada 5 Julai 2011 di PNM. Pelantikan

Pengerusi dan tujuh (7) orang Ahli Lembaga Penasihat adalah mulai bulan Oktober 2010 hingga bulan September 2013.

### Mesyuarat Pengarah-Pengarah Dengan Ketua Pengarah PNM

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 10 kali Mesyuarat Pengarah-Pengarah dengan Ketua Pengarah PNM diadakan dalam usaha untuk melicinkan jentera pentadbiran dan kepimpinan PNM.

### Mesyuarat Pengurusan PNM

Mesyuarat Pengurusan PNM merupakan mesyuarat peringkat tertinggi dalam bidang kepastakawanan di PNM. Sepanjang tahun 2011, sebanyak sembilan (9) kali mesyuarat telah diadakan pada 14 Januari, 17 Februari, 17 Mac, 21 April, 24 Mei, 28 Jun, 15 Ogos, 27 September dan 8 Disember 2011.

### Parlimen

Sepanjang tempoh mesyuarat di Parlimen bagi Sidang Dewan Rakyat dan Dewan Negara 2011, sebanyak sembilan (9) soalan telah diterima dan dijawab yang meliputi pelbagai jenis soalan. Bagi Sidang Dewan Rakyat, sebanyak empat (4) soalan bagi jawab lisan dan satu (1) soalan bukan jawab lisan telah dijawab. Manakala bagi Sidang Dewan Negara, sebanyak empat (4) soalan jawab lisan telah dijawab. Soalan yang dikemukakan adalah berkisar kepada pembelian koleksi manuskrip Melayu, projek perpustakaan desa, program galakan membaca dan dana pembelian terus buku-buku karya penulis tempatan.

## Dewan Rakyat

MESYUARAT	PERTANYAAN		JUMLAH
	JAWAB LISAN	BUKAN JAWAB LISAN	
<b>PERTAMA</b> (7 Mac – 7 April 2011)	1	1	<b>2</b>
<b>KEDUA</b> (13 Jun – 28 Jun 2011)	1	0	<b>1</b>
<b>KETIGA</b> (3 Okt. – 7 Dis. 2011)	2	0	<b>2</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>1</b>	

## Dewan Negara

MESYUARAT	PERTANYAAN		JUMLAH
	JAWAB LISAN	BUKAN JAWAB LISAN	
<b>PERTAMA</b> (18 April – 28 April 2011)	3	0	<b>3</b>
<b>KEDUA</b> (4 Julai – 12 Julai 2011)	0	0	<b>0</b>
<b>KETIGA</b> (6 Dis. – 21 Dis. 2011)	1	0	<b>1</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	

## Dasar Jabatan

Pengubalan dan pengemaskinian dasar sedia ada PNM amat dititik beratkan memandangkan ia menjurus kepada hala tuju Jabatan. Pengubalan dasar PNM disesuaikan dengan dasar Kerajaan sedia ada serta mengambilkira keperluan semasa dalam perkhidmatan perpustakaan dan maklumat. Mesyuarat Dasar PNM telah diadakan sebanyak tiga (3) kali pada tahun 2011. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi menyelaraskan penyediaan Dasar Baru dan Sedia Ada PNM selari dengan peranan PNM sebagai

peneraju Perpustakaan di Malaysia. Dua (2) Dasar Sedia Ada PNM iaitu Dasar Pelupusan Sumber Perpustakaan dan Dasar Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia dan satu (1) Dasar Baru iaitu Dasar Koleksi Khas Perpustakaan Negara Malaysia telah diluluskan.

## MS ISO 9001:2008

Sepanjang tahun 2011, pelbagai aktiviti yang melibatkan Sistem Pengurusan Kualiti telah dilaksanakan selaku urus setia seperti Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) sebanyak dua (2) kali dan Mesyuarat Jawatanjuasa Pelaksanaan MS ISO 9001:2008 sebanyak tiga (3) kali. Selain daripada itu, sebanyak tiga (3) kali bengkel/kursus dan dua (2) sesi taklimat berkenaan penghayatan Sistem Pengurusan Kualiti telah berjaya diadakan.

## Kumpulan Inovasi Dan Kreatif (KIK)

Dalam menggalakkan kreativiti dan inovasi di Jabatan, PNM telah menghantar satu (1) kumpulan KIK yang mewakili Jabatan iaitu Kumpulan Inovasi 7 dari Pusat Bibliografi Negara untuk menyertai pertandingan dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif 2011 peringkat KPKK di Jabatan Muzium Negara pada 23 – 24 November 2011 sempena sambutan Minggu Kualiti peringkat KPKK. Tajuk projek adalah 'Kesukaran pengesanan data penerbit dan penerbitan di Malaysia'.

Portal Jabatan [www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)

PNM melalui Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat (BPDK) adalah bertanggungjawab bagi pengurusan portal Jabatan di bawah Jawatankuasa Kerja Pengurusan Portal PNM (Kandungan). Pada tahun 2011, PNM telah dianugerahkan dengan Penarafan 5 Bintang (5 star rating) bagi Pengurusan Laman Web Jabatan Kerajaan melalui *Malaysia Government Portals and Web Assessment (MGPWA)*.

## Hubungan Antarabangsa

PNM melalui Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat (BPDK) merupakan *focal point* dan urus setia bagi hal ehwal antarabangsa di Jabatan. Pada tahun 2011, PNM telah menghantar pegawai kanan dan Ketua Pengarah bagi menghadiri beberapa persidangan / seminar / mesyuarat, antaranya adalah *Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania (CDNL-AO)*, *Congress of Southeast Asians Librarians (CONSAL)*, *ASEAN-COCI*, *Networking of East Asia Cultural Heritage (NEACH)*, *Asia Pacific Information Network (APIN)* dan program khas *National Library for Children & Young Adults with the ASEAN-Korea Cooperation Fund*.



## Liputan Media

Perpustakaan Negara Malaysia juga telah mendapat liputan media yang merangkumi media cetak dan media elektronik. Sebanyak 228 liputan daripada media cetak, manakala 79 media elektronik daripada pelbagai media untuk majlis yang dianjurkan oleh PNM.

## Lawatan Rasmi Dan Berpandu

Sepanjang tahun 2011, Perpustakaan Negara Malaysia telah menjalankan 112 lawatan rasmi dan berpandu yang merangkumi 93 lawatan dalam negeri dan 19 lawatan luar negara. Seramai 4,642 orang pelawat dari dalam negeri manakala seramai 366 pelawat luar negara telah diterima dari pelbagai agensi seperti jabatan kerajaan, agensi swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah dan orang awam.

## Penyelidikan

Bagi tahun 2011, sebanyak dua (2) kajian penyelidikan telah dilaksanakan iaitu Kajian Kekukuhan Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia 2011 dan Kajian Tinjauan Awal Keberkesanan Program Membaca 1Malaysia: Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan.

## Pengurusan Statistik Perpustakaan

Perpustakaan Negara Malaysia melalui Bahagian Penyelidikan Perpustakaan juga bertanggungjawab dalam pengumpulan data dan statistik penting seperti bilangan pengunjung, pendaftaran keahlian, koleksi perpustakaan, penggunaan perkhidmatan dan perkhidmatan berasaskan ICT. Pengumpulan data statistik dan penganalisaan dibuat secara bulanan dan perbandingan tahunan.

## Pengurusan Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti

Perpustakaan Negara Malaysia melalui Bahagian Penyelidikan Perpustakaan merupakan Pegawai Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 : 2008 yang dilantik oleh Wakil Pengurusan bagi menyenggara naskah dokumen induk seperti manual kualiti, menyelaraskan pindaan dokumen dan senarai edaran dokumen. Bagi tujuan ini, BPP mewujudkan dan menyenggara prosedur untuk mengawal dokumen Sistem Pengurusan Kualiti yang meliputi perkara-perkara seperti kelulusan dan pengeluaran dokumen baru, kawalan pengedaran, perubahan kepada status dokumen dan pembatalan dokumen.

## Penerbitan

Penerbitan merupakan salah satu inisiatif yang dijalankan oleh PNM dalam usaha menyebarkan maklumat kepada masyarakat. Sebanyak sembilan (9) penerbitan telah diterbitkan oleh PNM pada tahun 2011.

## Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM)

Penganjuran Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) adalah satu keunikan Malaysia mampu mempertingkatkan kesedaran rakyat Malaysia tentang tanggungjawab memelihara, mengukuh dan mengekalkan keharmonian rakyat yang berbilang kaum. Juga merupakan salah satu usaha kerajaan melalui Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) untuk mempertingkatkan kesedaran betapa pentingnya saling hormat-menghormati dan bertolak ansur dalam kehidupan masyarakat majmuk.

Sepanjang tahun 2011, PNM melalui Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat telah terlibat dalam penganjuran MRTM dengan menganggotai Jawatankuasa Kerja Jamuan bagi Tetamu Kehormat dan Khalayak seperti berikut:

TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
7 Feb. 2011	MRTM Tahun Baru Cina	Dataran Kipas, Miri Sarawak
11 Jun 2011	MRTM Tadau Kaamatan	Padang Merdeka, Kota Kinabalu, Sabah
11 Julai 2011	MRTM Gawai Dayak	Rumah Panjang Rh. Wilson Begat ak. Bakir, Penom Ulu Paku, Betong, Sarawak
26 Ogos 2011	MRTM Hari Raya Aidilfitri	SMK Guar Perahu, Permatang Pauh, Pulau Pinang
30 Ogos 2011	Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong	Istana Negara
10 Nov. 2011	MRTM Deepavali	SMK Kampung Jawa, Kota Raja, Klang Selangor
26 Dis. 2011	MRTM Krismas	SMK Tinggi Kajang, Selangor



# AKTIVITI PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN





# Prasarana Ilmu dan Maklumat

## Rangkaian Perpustakaan

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bertanggungjawab dalam memastikan pembangunan prasarana perpustakaan awam di seluruh negara untuk menggalakkan rakyat Malaysia membaca serta membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dengan memudahkan akses kepada sumber ilmu dan maklumat melalui rangkaian dan infrastruktur yang terancang. Sehingga Disember 2011 terdapat beberapa program dan projek Perpustakaan Desa (PD) yang telah dilaksanakan seperti berikut:

### Projek Tahun 2011 bawah Rancangan Malaysia ke-10

Di bawah Rolling Plan Pertama Rancangan Malaysia ke-10, sebanyak dua (2) projek fizikal telah diluluskan iaitu Pembelian Premis Perpustakaan Pekan Tasek Gelugor, Pulau Pinang yang dijangka selesai pada penghujung tahun 2012. Projek kedua ialah Pembinaan Perpustakaan Awam Negeri Pahang bagi menggantikan bangunan Perpustakaan Awam Negeri sedia ada. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2014.

### Laporan Penyelenggaraan Perpustakaan Desa

Pada tahun 2011, sebanyak 56 unit PD di seluruh negara telah dibaik pulih yang melibatkan kos sebanyak RM1.2 juta. Antara kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan adalah seperti pembaikan bangunan, perparitan, sistem kumbahan, dan ciri-ciri keselamatan bangunan.

### Laporan Perjawatan Perpustakaan Desa

- Sehingga Disember 2011 sebanyak 130 Penyelia Perpustakaan (Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27 (Kontrak) daripada 141 perjawatan telah diisi. Sebanyak 11 perjawatan masih lagi kosong. Satu sesi temuduga bagi mengisi jawatan Penyelia Perpustakaan telah diadakan pada 10 Oktober 2011 diseluruh negara.

- Manakala bagi jawatan Pembantu Perpustakaan Gred S17 (Kontrak) pula, sebanyak 442 jawatan Pembantu Perpustakaan daripada 481 jawatan telah diisi. Sebanyak 386 jawatan adalah berstatus kontrak dan 86 berstatus Pekerja Singkat Harian (PSH). Sebanyak 39 lagi jawatan belum diisi. Perpustakaan Negara Malaysia akan menyerapkan sebanyak 51 jawatan PSH gred S17 ke jawatan bertaraf kontrak pada awal tahun 2012.
- Bagi Pembantu Am Pejabat (PAP) Gred N1 pula sebanyak 451 daripada 481 perjawatan telah diisi. Manakala selebihnya sebanyak 30 perjawatan masih lagi kosong.

### Latihan Petugas Perpustakaan Desa

- Pada bulan Oktober 2011 sehingga November 2011, sebanyak lima (5) Kursus Asas Pengurusan Perpustakaan Bagi Pembantu Am Pejabat di PD telah berjaya dilaksanakan di mana seramai 434 petugas telah menghadiri kursus yang berlangsung selama tiga (3) hari.
- Antara objektif kursus ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman kepada PAP yang baru dilantik terhadap peranan dan tanggungjawab sebagai penjawat awam. Selain daripada, itu untuk melatih PAP untuk menjalankan kerja-kerja harian serta aktiviti yang perlu dilakukan selaku petugas PD.

### Laporan Aktiviti Galakan Membaca Perpustakaan Desa

Sehingga Disember 2011, sebanyak RM547,800.00 telah diperuntukkan bagi melaksanakan aktiviti galakan membaca di 475 unit PD di seluruh negara. Sebanyak 7,361 aktiviti galakan membaca telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2011.

## Khidmat Nasihat dan Perundingan

Perpustakaan Negara Malaysia berperanan memastikan kepimpinan yang berterusan dalam pembangunan perpustakaan dan bidang kepustakawanan kepada agensi kerajaan dan bukan kerajaan di dalam negara.

### Fungsi Utama Khidmat Nasihat Dan Perundingan

1. Melaksana khidmat nasihat mengenai pentadbiran dan pengurusan perpustakaan mengikut standard yang telah ditetapkan.
2. Melaksana khidmat perundingan bagi penubuhan perpustakaan atau menaiktaraf perpustakaan sedia ada mengikut standard yang telah ditetapkan.
3. Mempertingkatkan kualiti pentadbiran dan pengurusan perpustakaan di kalangan Perpustakaan Khusus Perkhidmatan Gunasama melalui sesi mesyuarat pengurusan perpustakaan gunasama.

### Pencapaian Prestasi Aktiviti

#### • Khidmat Nasihat

Pada tahun 2011 sebanyak 61 kali aktiviti lawatan khidmat nasihat secara berjadual. Selain lawatan berjadual aktiviti khidmat nasihat juga dilaksanakan menerusi panggilan telefon dan pemohon datang sendiri ke PNM. Fokus utama dalam menjalankan khidmat nasihat adalah di kalangan perpustakaan khusus di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan di seluruh negara.

#### • Khidmat Perundingan

Sepanjang tahun 2011 sebanyak tujuh (7) aktiviti khidmat perundingan. Sebanyak 39 kertas cadangan dan laporan telah disediakan bagi setiap khidmat nasihat dan perundingan yang dilaksanakan. Khidmat perundingan diberikan kepada perpustakaan khusus kerajaan, badan berkanun, swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berdasarkan kepada permohonan yang diterima.

## Mesyuarat, Bengkel dan Program Jati Diri Perpustakaan Gunasama 2011

Sepanjang tahun 2011, sebanyak enam (6) aktiviti termasuk mesyuarat, bengkel dan program jati diri telah dilaksanakan seperti:

- Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Sokongan dan Seminar Khas Siri 1/2011 pada 6 hingga 8 Mei 2011 di Permaisuri Resort Port Dickson, Negeri Sembilan.
- Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Sokongan Siri 2/2011 pada 20 dan 21 Jun 2011 di Bukit Gambang Resort City, Kuantan Pahang.
- Mesyuarat Ikhtisas Perpustakaan Khusus Bagi Perkhidmatan Gunasama PNM 2011, pada 23 dan 24 September 2011 di Hotel Copthorne Orchid, Pulau Pinang.
- Bengkel Pemantapan Pengurusan Perpustakaan Pegawai Gunasama PNM bagi Kolej Komuniti pada 19 hingga 21 Julai 2011 di Bukit Gambang Resort City, Pahang.
- Bengkel Percambahan Fikiran Pegawai Ikhtisas Perpustakaan Khusus Bagi Perkhidmatan Gunasama PNM 2011 pada 21 hingga 22 November 2011 di Institut Sosial Malaysia, Sg. Besi, Kuala Lumpur.
- Program Jati Diri Kumpulan Sokongan 1 Perpustakaan Khusus Bawah Skim Perkhidmatan Gunasama 2011 pada 13 hingga 15 November 2011 di FELDA Residence Tekam, Jerantut, Pahang.

Tujuan mesyuarat dan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada Pustakawan, Penolong Pegawai Perpustakaan dan Pembantu Perpustakaan yang bertugas di perpustakaan khusus berbincang secara bersemuka dengan Ketua Pengarah selaku Ketua Pkhidmatan Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan tentang isu dan masalah pengurusan perpustakaan khusus, memantapkan perkhidmatan perpustakaan di organisasi masing-masing serta memupuk persefahaman dan jalinan kerjasama antara mereka.



## Dialog

Satu Dialog Pustakawan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Bersama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah diadakan pada 19 Disember 2011 di Hotel Pullman Lake Resort, Putrajaya. Dialog ini telah dihadiri seramai 40 Pustakawan IPTS di seluruh negara. Tujuan dialog ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada Pustakawan IPTS di Malaysia dan PNM berbincang mengenai perkembangan semasa dan masa depan mengenai bidang kepustakawanan.



## Penerbitan Buku Garis Panduan Perpustakaan Khusus Edisi Ke-2

Buku Garis Panduan Perpustakaan Khusus Edisi Ke-2 terbitan 2010 telah diulang cetak sebanyak 1,000 naskhah untuk dijadikan panduan kepada semua perpustakaan khusus di negara ini.

Mesyuarat Pengurusan Gunasama Kumpulan Sokongan Siri 2/2011 yang telah berlangsung pada 20 – 21 Jun 2011 di Kuantan Pahang.



Para pegawai yang menghadiri Mesyuarat Ikhtisas Perpustakaan Khusus bagi Skim Perkhidmatan Gunasama pada 22 – 23 September 2011 di Pulau Pinang.



# Pembinaan Koleksi Negara dan Pendokumentasian

## Monograf

Sepanjang tahun 2011 sebanyak 15,053 judul bahan monograf meliputi pelbagai disiplin ilmu terbitan dalam negara yang diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) telah dikatalog dan sebanyak 13,116 judul bahan monograf untuk rujukan dan pinjaman telah dikatalog melalui proses perolehan. Bahan ini terdiri daripada 2,382 judul bahan Malaysiana dan 10,734 judul bahan bukan Malaysiana.

Sebanyak 4,305 judul kertas kerja daripada persidangan dan seminar yang diadakan di Malaysia telah diindeks dan dimasukkan ke dalam pangkalan data dalam talian.

Di bawah Perkhidmatan Pengkatalogan Dalam Penerbitan (PDP), sebanyak 8,437 entri data PDP bagi judul baru terbitan Malaysia telah disediakan. Sepanjang tahun 2011 sebanyak 739 penerbit baru telah menyertai perkhidmatan ini dimana 61 adalah penerbit kerajaan dan 678 lagi adalah penerbit bukan kerajaan.

## Terbitan Bersiri

Sebanyak 355 judul terbitan bersiri telah dikatalog iaitu 303 judul diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dan 52 judul melalui proses perolehan. Bahan ini terdiri daripada dua (2) judul bahan Malaysiana dan 50 judul bahan bukan Malaysiana.

Sebanyak 534 (52 judul baru) judul majalah dalam negara yang mengandungi artikel penting dikesan dan sebanyak 6,874 artikel diindeks dan boleh dicapai dalam talian.

## Sumber Media Dan Elektronik

Sebanyak 2,319 judul bahan sumber media dan elektronik telah dikatalog iaitu 501 judul diterima dibawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dan 1,818 judul melalui proses perolehan. Dari judul yang dipilih melalui proses perolehan ini, 659 judul terdiri dari bahan Malaysiana dan 1,159 judul terdiri dari bahan bukan Malaysiana.

## Pangkalan Data Penerbit

Pelancaran Pangkalan Data Penerbit telah diadakan pada 24 Julai 2009 dan juga telah dipaparkan pada laman web Jabatan pada hari yang sama. Sebanyak 10,856 entri data penerbit telah diinput di dalam pangkalan data penerbit ini.

## Perolehan

Dalam usaha memperkukuhkan koleksi perpustakaan, PNM terus mempergiat program perolehan pelbagai sumber perpustakaan di bawah penguatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), pembelian, hadiah dan pertukaran. Sehingga Disember 2011, jumlah komulatif koleksi PNM adalah 3,661,782 unit. Sumber perpustakaan yang telah diperoleh sepanjang tahun 2011 di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 adalah sebanyak 192,733 unit, melalui pembelian sebanyak 100,804 unit dan melalui hadiah dan pertukaran sebanyak 3,371 unit.

## Pemuliharaan dan Reprografi

Dalam menjaga keaslian bentuk fizikal bahan perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan reprografi khusus kepada bahan Manuskrip Melayu, bahan-bahan Nadir Malaysiana dan terbitan bersiri. Satu langkah tambahan telah diambil dengan membuat kerja-kerja memikrofilem beberapa surat khabar tempatan, manuskrip Melayu dan bahan nadir yang ada dalam simpanan perpustakaan.

Tujuan memikrofilem bahan-bahan tersebut adalah bagi menjamin keaslian bahan-bahan yang sedia ada daripada mengalami kerosakan akibat penggunaan yang kerap oleh para pengguna perpustakaan. Semua bahan yang telah dimikrofilem boleh dirujuk oleh para pengguna.

Aktiviti pemuliharaan termasuk kerja-kerja penyenggaraan terhadap koleksi perpustakaan, kerja-kerja menjilid buku, kertas seminar, bahan terbitan bersiri dan pemuliharaan koleksi manuskrip Melayu, koleksi peribadi dan bahan nadir.





## Aktiviti Pemuliharaan

- **Pembaikan Manuskrip Melayu**

Kebanyakan bahan manuskrip Melayu yang diterima adalah dalam keadaan yang amat buruk fizikalnya. Perkara ini terjadi disebabkan oleh tiada satu cara penyimpanan yang rapi oleh pemilik bahan-bahan tersebut. Bagi menjaga dan menyelamatkan bahan ini dari terus musnah, kerja-kerja pemeliharaan perlu dibuat.

Pada tahun 2011, sebanyak 150 naskhah manuskrip Melayu telah dibuat pewasapan. Tujuan kerja-kerja ini dibuat adalah untuk melindungi bahan-bahan ini dari makhluk perosak dan ditumbuhi kulat. Daripada jumlah ini sebanyak 818 helaian telah dibuat pembaikan dengan menggunakan teknik pembaikan tisu dan sebanyak 2,196 helaian telah dibuat pembaikan dengan menggunakan teknik *Leafcasting*.

- **Pemuliharaan Bahan Nadir**

Pada tahun 2011, sebanyak 11,527 helaian bahan ini telah dibuat pemuliharaan dan pembaikan. Bahan yang telah dibaik pulih ini dijilid dalam 55 jilidan.

## Aktiviti Reprografi

Walaupun dunia sekarang ini melangkaui era teknologi digital dan terus berkembang pesat, namun aktiviti reprografi turut berkembang seiring dengan teknologi terkini.

Teknologi mikrografi merupakan satu teknik mengubah format bahan bercetak ke format mikrofilem. Teknik ini masih relevan digunakan kerana ianya dapat memanjangkan hayat sesuatu bahan itu sehingga 100 tahun lamanya.

- Pada tahun 2011, sebanyak 198 torak mikrofilem telah dihasilkan. Daripada jumlah ini, sebanyak 62 torak mikrofilem terdiri daripada manuskrip Melayu, 10 torak mikrofilem bagi bahan nadir dan sebanyak 123 torak mikrofilem dibuat terhadap empat (4) judul suratkhbar.
- Pada tahun 2011 sebanyak 1,809 keping gambar berkaitan aktiviti-aktiviti PNM telah dicetak.



Kakitangan PNM sedang memberi taklimat mengenai cara-cara membaik pulih manuskrip Melayu kepada pelawat.

# AKTIVITI PERKHIDMATAN MAKLUMAT





# Perkhidmatan Malaysiana

## Pusat Maklumat Malaysiana


Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bertanggungjawab dalam pemeliharaan koleksi warisan intelek negara. Salah satu peranan PNM ialah menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber-sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan.

Dalam usaha menjadikan PNM sebagai Pusat Kecemerlangan Sumber Ilmu Malaysiana, penekanan diberikan kepada usaha memantapkan koleksi bahan Malaysiana. Pusat Maklumat Malaysiana (PMM'siana) bertanggungjawab bagi mengurus koleksi Malaysiana bagi kegunaan pembaca dan menyediakan perkhidmatan rujukan dan perujukan maklumat berasaskan koleksi tersebut.

Bermula Disember 2010, Pusat Maklumat Malaysiana telah beroperasi sepenuhnya di bangunan baru Menara PNM dengan menduduki lima tingkat iaitu dari Aras 6 hingga Aras 7. Perkhidmatan Kaunter Pusat Maklumat Malaysiana terdiri daripada enam (6) kaunter keseluruhannya iaitu Kaunter Terbitan Bersiri dan Kaunter Surat khabar Malaysiana di Aras 6, Kaunter Monograf Malaysiana di Aras 7, Kaunter Folio Malaysiana di Aras 8, Kaunter Koleksi Perundangan dan Warta Kerajaan di Aras 9 dan Kaunter Koleksi Khas di Aras 10.

Keseluruhan koleksi Malaysiana pada tahun 2011 berjumlah kira-kira 1,076,453 naskhah (Jadual I).

### KOLEKSI MALAYSIANA SEHINGGA DISEMBER 2011




■ Monograf Malaysiana	639,236
■ Terbitan Bersiri Malaysiana	296,979
■ Koleksi Khas	129,381
■ Mikrofilem	10,857

Jadual I

Pada tahun 2011, seramai 119,757 pembaca merujuk kepada 208,373 koleksi Malaysiana (Jadual II). Sejumlah 856 permohonan Sistem Pembekalan Penerbitan diterima dan 17,968 pertanyaan arah tunjuk serta 24,418 pertanyaan rujukan ringkas diterima dan dijawab.

Jadual II



Bagi mempromosi koleksi serta perkhidmatan Pusat Maklumat Malaysiana, pelbagai aktiviti seperti pameran dan program

keilmuan telah dijalankan sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2011. Antara pameran yang telah berjaya diadakan ialah Pameran Jiwa Bangsa 1Malaysia ; Pameran Nadir : Menyingkap Sejarah Nusantara ; Pameran Koleksi Seniman Negara; Pameran Kenali Warisan Kita : Koleksi Buku Nadir di UiTM Jengka dan Pameran Titisan Terimbo Bahasa Melayu di ASWARA.

Program keilmuan Kenali dan Cintai Puisi : Teromba telah berjaya mengetengahkan satu lagi bentuk puisi tradisional untuk pendedahan kepada generasi muda. Selain itu dalam usaha membudayakan Bahasa Melayu, PNM telah menampilkan Puan Christine Ling sebagai pembicara dalam program Wacana Minda : Suara Seorang Aktivist Bahasa. PNM juga telah bekerjasama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Sains Malaysia (USM), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah dalam Program Maraton Pembudayaan Puisi 1Malaysia. Program selama lima (5) hari ini telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan daripada ahli akademik dan pelajar institusi pengajian tinggi.



Tetamu khas dan para jempuan yang menghadiri **Program Kenali dan Cintai Puisi : Teromba** pada 9 Mei 2011 di Auditorium PNM.





## Program/Pameran

TARIKH	PAMERAN/PROGRAM	TEMPAT
Februari – April	Pameran Jiwa Bangsa 1Malaysia	Ruang Legar Pameran, Aras 1 Anjung Bestari PNM
16 Jun	Pameran Manuskrip Melayu dan Nadir	PPA Melaka
7 – 9 Julai	Pameran Kenali Warisan Kita : Koleksi Nadir	UiTM, Jengka, Pahang
31 Oktober	Pameran Titisn Terimbo Bahasa Melayu	ASWARA
28 Januari – 31 Mac	Pameran 'Aku Seorang Kartunis" : Zainal Buang Hussien	
1 April – 30 Jun	Pameran Nadir : Menyingkap Sejarah Nusantara	Aras 10,
7 Jun - 30 Jun	Pameran Koleksi Seniman Negara	Menara PNM
1 Julai – 30 September	Pameran 'Aku Seorang Kartunis" : Rossem	
1 Oktober – 31 Disember	Pameran Nadir : Bahasa Jiwa Bangsa	
9 Mei	Program Kenali dan Cintai Puisi : Teromba Auditorium PNM	
19 September	Program Wacana Minda : Suara Seorang Aktivist Bahasa	
30 September 2011 – 27 Januari 2012	Kursus Bahasa Melayu untuk Penutur Asing	Bilik Syarahan, Aras 5 Anjung Bestari PNM
27-31 Oktober	Program Maraton Pembudayaan Puisi 1Malaysia * No. 10-13 : Program Pembudayaan Bahasa Melayu	UNIMAP, PPAN Kedah USM, UPSI dan Aswara.



Profesor Madya Dato' Paduka Dr Mohd Rosli Saludin sebagai pembicara dan En. Siri Ning Buah sebagai pemudahcara dalam **Program Kenali dan Cintai Puisi : Teromba** pada 9 Mei 2011.



Cik Hjh Nafisah Ahmad, Pengarah Perkhidmatan PERDANA mempengerusikan **Mesyuarat SPP dan KIK** pada 23 Jun 2011.



Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM berkenalan dengan peserta **Kursus Pembelajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing** semasa majlis perasmian pada 30 September 2011.



Pn Christine Ling sebagai pembicara dan En. Shuhaimi Mohamed sebagai pemudahcara dalam **Program Wacana Minda : Suara Seorang Aktivist Bahasa** yang telah berlangsung pada 19 September 2011 di Auditorium PNM.



## Pusat Manuskrip Melayu

Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab sebagai Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu dan urus setia Program Pembudayaan Tulisan Jawi. Sehubungan itu, Pusat Manuskrip Melayu telah berusaha melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun 2011 bagi memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan manuskrip Melayu sebagai warisan dokumen negara yang perlu dijaga dan dipelihara bagi mencungkil ilmu yang terkandung di dalamnya bukan sahaja untuk tatapan generasi kini malah untuk generasi akan datang.

PNM berusaha memantapkan koleksi manuskrip Melayu asal melalui usaha pengesanan yang berterusan dari semasa ke semasa.

Sehingga tahun 2011, jumlah kumulatif koleksi manuskrip Melayu telah bertambah menjadi 4,380 naskhah di mana sebahagian judulnya amat sukar untuk diperolehi dan bersifat rangka. Menyedari bahawa walaupun manuskrip Melayu banyak dipunggah ke luar negara, PNM merasakan masih terdapat khazanah berharga ini yang wujud dalam simpanan individu-individu tertentu di negara ini. Justeru atas hambatan tersebut dengan mengambil kira faktor yang merosakkan dan memusnahkannya, usaha untuk menyelamatkan telah diambil sebelum khazanah berharga merangkap sumber premier pribumi ini terus lenyap ditelan zaman. Pada tahun 2011, Pusat Manuskrip Melayu telah memberi perkhidmatan kepada 283 orang penyelidik yang telah merujuk kepada 770 naskhah asal manuskrip Melayu dan 157 manuskrip dalam bentuk salinan mikrofilem.

## Pameran Manuskrip Melayu 2011

TARIKH	PERKARA
<b>PAMERAN MINI</b>	
Januari – Februari	Manuskrip Arab Koleksi Pusat Manuskrip Melayu
Mac – April	Cerita Nabi-Nabi
Jun – September	Watermarks
Oktober – Disember	Salasilah Keturunan
<b>PAMERAN DALAM JABATAN</b>	
3 – 6 Disember	Pameran Keunggulan Seni Khat dalam Tulisan Jawi dengan kerjasama Yayasan Restu
<b>PAMERAN LUAR JABATAN</b>	
7 – 9 Julai	UiTM Jengka, Pahang
27 – 29 Mei	Karnival Lenggong, Perak
7 April – 29 Mei	Muzium Penyiaran
23 September – 31 Oktober	Muzium Istana Kesultanan Melaka
17 November – 31 Disember	UiTM Puncak Perdana
21 Disember – 21 Januari 2012	Kementerian Pengangkutan
<b>PAMERAN BERGERAK</b>	
24 Mei – 25 Jun	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka
17 – 18 November	Cultural Activity Centre IIUM



## Pakar Maklumat

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) juga telah dipertanggungjawabkan untuk memberi perkhidmatan penyelidikan kepada pengguna perpustakaan dan orang ramai di samping berfungsi menyebarkan maklumat setempat kepada komuniti terpilih di sekitar Lembah Klang.

Sepanjang tahun 2011, PNM telah berjaya memenuhi permintaan maklumat pengguna iaitu sebanyak 125 soalan berbentuk penyelidikan telah diberi maklumbalas / jawapan. Selain itu, sebanyak 186 pertanyaan rujukan ringkas yang diterima melalui emel telah dapat diberi maklumbalas / jawapan. Sebanyak 100 soalan/jawapan daripada pertanyaan penyelidikan serta rujukan ringkas terpilih telah berjaya diinput ke dalam pangkalan data i-Pakar (<http://i-pakar.pnm.my>) dalam modul FAQ bagi memudahkan pengguna mencapai maklumat pertanyaan yang sama.

Bagi memantapkan lagi perkhidmatan rujukan penyelidikan di PNM, satu ruang khas untuk temubual dengan para penyelidik telah disediakan di Aras 8, Menara PNM mulai Januari 2011. Kumpulan Perunding Maklumat bertugas secara *on-call* mengikut jadual bertugas yang disediakan oleh BPM sebagai penyelaras.

Di samping itu, PNM juga menyediakan perkhidmatan pakejan maklumat kepada pengguna khususnya pelajar sekolah berdasarkan topik projek sekolah dan isu-isu semasa. Sebanyak 50 tajuk Pakejan Maklumat telah berjaya disediakan berdasarkan kepada permintaan semasa yang tinggi oleh pengguna. Bahan pakejan maklumat telah disusun atur mengikut subjek di atas rak untuk rujukan pengguna di Aras 8, Menara PNM. Bagi memudahkan lagi capaian kepada pakejan maklumat ini, pengguna boleh mengakses pakejan maklumat yang sama secara atas talian menerusi modul Pempakejan Maklumat Digital dalam pangkalan data i-Pakar.

Sebagai sebuah institusi perkhidmatan awam, PNM mempunyai tanggungjawab sosial untuk menyediakan perkhidmatan maklumat yang relevan dengan keperluan pengguna masa kini. Bagi menyemarakkan lagi hubungan dan jalinan dengan komuniti luar terutamanya di kawasan Lembah Klang, PNM telah mengadakan program *outreach* komuniti kerjasama pintar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Pada tahun 2011, program *outreach* ini telah dibuat penilaian serta kajian semula keberkesanan program selepas pelaksanaan dan dijenamakan semula dengan nama Program Literasi Maklumat (LM) PNM : Teknik Pencarian & Pempakejan Maklumat selaras dengan hasrat untuk memberi fokus kepada

literasi maklumat dan mempertingkatkan pelaksanaan program dengan lebih berkesan serta memanfaatkan golongan sasaran iaitu pelajar-pelajar sekolah.

Sebagai permulaan, Program Literasi Maklumat (LM) PNM 2011 : Teknik Pencarian & Pemakejan Maklumat adalah fokus di kawasan Lembah Klang sebelum diperluaskan ke seluruh Malaysia. 10 siri bengkel yang dirancang bagi tahun 2011 telah berjaya dilaksanakan seperti berikut:

TARIKH PROGRAM	NAMA SEKOLAH	BIL. PESERTA
24 Mac	SMK Seri Titiwangsa, Kuala Lumpur	35
29 Mac	SMK Puteri Titiwangsa, Kuala Lumpur	35
5 April	SMK Taman Kosas, Ampang, Selangor	28
13 Apri	SMK Datok Lokman, Kg. Pandan, Kuala Lumpur	71
4 Mei	SMK Padang Tembak, Kuala Lumpur	56
10 Mei	SMK Taman Jasmin 2, Kajang Prima, Kajang, Selangor	40
16 Jun	SMK Saujana Impian, Kajang, Selangor	37
21 Jun	SMK Datok Abdul Samad, Banting, Selangor	45
29 Jun	SMK Sungai Pusu, Gombak, Selangor	49
20 Julai	SMK Sungai Besar, Selangor	50
<b>JUMLAH</b>		<b>446</b>

Pelaksanaan Program Literasi Maklumat di SMK Sungai Besar turut melibatkan tiga (3) Perpustakaan Desa (PD) kawasan tersebut, iaitu PD Taman Setia, PD Kg. Parit II Barat dan PD Parit 7 (Sekinchan). Tiga (3) orang kakitangan dari tiga (3) PD tersebut telah menyertai bengkel sebagai pemerhati untuk mempelajari cara mengendalikan program LM. Ia bertujuan untuk mewujudkan kesinambungan program / aktiviti oleh PD tersebut pada masa-masa akan datang. Satu majlis perasmian skala kecil telah dianjurkan oleh pihak SMK Sungai Besar, Selangor.


# Perkhidmatan Maklumat Umum

## Maklumat Umum

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menyediakan perkhidmatan dan koleksi bahan rujukan monograf dan terbitan bersiri luar negara dalam semua bidang perkara melalui Perkhidmatan Maklumat Umum. Selain itu, PNM juga menyediakan Koleksi Khas Luar Negara iaitu Koleksi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Koleksi Harvard dan Koleksi ASEAN untuk rujukan pembaca.

Koleksi monograf, terbitan bersiri dan koleksi khas luar negara ini boleh dirujuk oleh pengguna Perpustakaan di Bahagian Maklumat Umum di Aras 3 dan 4 Tengah, bangunan Anjung Bestari, PNM. Perkhidmatan Maklumat Umum juga menyediakan koleksi dan Perkhidmatan Maklumat Perniagaan (*Business Information Service – BIS*) di Aras 2 Tengah.

Jadual I




Keseluruhan koleksi Bahagian Maklumat Umum pada tahun 2011 berjumlah hampir 428,290 naskhah (Jadual I).

Pada tahun 2011, seramai 59,216 orang pembaca telah menggunakan perkhidmatan rujukan umum dan sebanyak 87,242 naskhah bahan telah dirujuk (Jadual II). Jumlah pertanyaan



rujukan ringkas yang diterima dan dijawab pula adalah sebanyak 8,176 pertanyaan. Seramai 2,505 orang pembaca pula telah menggunakan perkhidmatan bilik karek di Aras 3 Tengah, PNM.

Jadual II



### Aktiviti Yang Telah Dilaksanakan

TARIKH	PERKARA
19 Januari	Majlis Pelancaran Buku Klasik Sains Fiksyen Karya L. Ron Hubbard
25 Februari	Majlis Pelancaran <i>8th Dublin Literary Award for Young Malaysian</i>
23 April	Pelancaran Buku Sempena Hari Buku dan Hakcipta Sedunia
1 Julai	<i>Junior Well Lit. Sessions</i>
24 September	<i>National Literacies Day 2011</i>
13 Disember	Majlis Pelancaran Buku Muzik Melayu Sejak 1940-an

## Khidmat Pelanggan

### Pendaftaran Ahli PNM

- Seramai 78,272 orang telah mendaftar sebagai ahli PNM bagi tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, seramai 72,196 adalah terdiri dari kategori dewasa manakala 6,076 adalah merupakan kategori kanak-kanak. Jumlah keahlian PNM secara kumulatif sehingga 31 Disember 2011 adalah seramai 1,000,278 orang.
- Kempen keahlian luar jabatan telah diadakan di 74 lokasi yang melibatkan sekolah-sekolah, jabatan kerajaan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta seperti di bawah:

TARIKH	LOKASI
3 Januari	SMK Khir Johari, Sg. Petani, Kedah
17 Januari	SMK Bandar Sg. Petani, Kedah
25 Januari	SMK (F) Kahang Timur, Kluang, Johor
1 Februari	Jaya Jusco Bandar Mahkota, Cheras, Kuala Lumpur
9 Februari	SMK Segambut Jaya, Kuala Lumpur
11 – 13 Februari	FINAS, Selangor
22 – 23 Februari	SMK Tinggi Setapak, Kuala Lumpur
23 Februari	SMK Pengkalan Permatang, Selangor
24 Februari	Kolej Komuniti Hulu Langat, Selangor
2 Mac	SMK Batu Muda, Kg. Batu Muda, Kuala Lumpur
19 Mac	KG. Melayu Ampang, Selangor
24 Mac	SMK Tengku Idris Shah, Klang, Selangor
28 Mac	SMK Sg. Besar, Selangor
28 Mac	Hospital Sg. Buloh, Selangor
1 – 31 Mac	Jusco Bandar Mahkota, Cheras, Kuala Lumpur
1 – 31 Mac	Jusco AU Setiawangsa, Kuala Lumpur
1 – 2 April	Kolej Multimedia, Kuala Lumpur
4 April	SMK Sg. Besar, Selangor
6 April	SJK (C) Lai Meng, Kuala Lumpur
6 – 7 April	Universiti KL BMI, Selangor
16 April	Program Tautan Kasih, Semarak Budi, Perlis
18 April	SK Taman Midah, Kuala Lumpur
20 April	SMK Seri Pantai, Kuala Lumpur
22 – 30 April	PWTC, Kuala Lumpur
3 Mei	Institut Perguruan Islam, Selangor
14 Mei	Institut Jantung Negara
16 Mei	SMK (P) Bukit Kuda, Klang, Selangor
22 Mei	PPR Desa Tun Razak, Kuala Lumpur
25 Mei	SMK Miharja, Kuala Lumpur
27 – 31 Mei	READMALAYSIA'11 di The Mines, Seri Kembangan, Selangor
27 – 29 Mei	Hari Belia, Putrajaya, WP Putrajaya





samb.

TARIKH	LOKASI
28 Mei	Zoo Negara, Ulu Kelang, Kuala Lumpur
1 – 5 Jun	READMALAYSIA'11 di The Mines, Seri Kembangan, Selangor
6 Jun	SMK Puchong Permai, Selangor
6 Jun	SMK Bandar Baru Salak Tinggi, Nilai, Negeri Sembilan
11 Jun	PJL KG Jerek, Kelantan
16 Jun	SMK Saujana Impian, Selangor
23 Jun	SMK Sg. Choh, Selangor
25 Jun	PJK Simunjan, Sarawak
27 Jun	Kolej Teknologi YPC, Kuala Lumpur
5 Julai	SMK Seri Mulia, Kuala Lumpur
5 Julai	SMK Sg. Pusu, Gombak, Kuala Lumpur
7 Julai	SMK Seri Tasik, Kuala Lumpur
7 – 9 Julai	Dataran Integrasi, UiTM Jengka, Pahang
11 Julai	SMK Seri Saujana, Kuala Lumpur
13 Julai	TM R&D Cyberhaya, Selangor
16 Julai	Kelab Darul Ehsan, Selangor
18 Julai	SMK Dato' Onn, Kuala Lumpur
28 Julai	SMK (A) Persekutuan Kajang, Selangor
1 Ogos	SMK Seri Saujana, Bandar Sri Petaling, Kuala Lumpur
1 Ogos	IPG Tun Razak, Kuala Lumpur
4 Ogos	SMK Jalan Bukit, Kajang, Selangor
8 Ogos	SMK Sg. Pusu, Kuala Lumpur
15 Ogos	SMK Bukit Sentosa, Rawang, Selangor
15 Ogos	SMA Persekutuan, Kajang, Selangor
12 September	SMK Guar Cempedak, Kedah
12 September	SMK (P) Kapar, Selangor
22 September	SMK Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur.
6 Oktober	SK Seri Tasik, Bdr. Seri Permaisuri, Kuala Lumpur
5 Oktober	SMK Datok Lokman, Kuala Lumpur
17 Oktober	SMK Jln. Bukit, Kajang, Selangor
24 Oktober	SK Seksyen 2, Bdr. Kinrara. Puchong, Selangor
29 Oktober	Kompleks Kraf., Jln Conlay, Kuala Lumpur
10 November	SMK Batang Kali, Selangor
11 November	SK Bandar Tasik Kesuma, Selangor
11 November	SK BUKIT Damansara, Kuala Lumpur
15 – 17 November	Kem. Pertanian & Industri Asas Tani, Putrajaya
22 – 21 November	Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur
27 November	Masjid Putra, Putrajaya
6 Disember	SRJKC Tsun Jin, Jln Perwira, Kuala Lumpur
6 Disember	MITI, Jln. Duta, Kuala Lumpur
23 Disember	SK Ulu Liut, Maran, Pahang
23 Disember	SMK Maran 2, Maran, Pahang
31 Disember	Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

## 2.0 Pameran

Pameran merupakan salah satu aktiviti yang menyumbang kepada pertambahan pengunjung ke PNM. Pada tahun 2011, Perpustakaan Negara Malaysia telah berjaya melaksanakan sebanyak 19 pameran seperti di bawah:

### Dalam Jabatan

TARIKH	NAMA PAMERAN	ANJURAN	TEMPAT
Februari – April	Pameran 'Jiwa Bangsa 1Malaysia'	PNM	Dewan Pameran PNM
22 – 26 Mac	Pameran Warisan Ilmu Universiti Kebangsaan Malaysia (1970-2010)	UKM / PNM	Dewan Pameran PNM
25 – 27 April	Pameran sempena IFLA <i>International Newspaper Conference</i>	PNM	Dewan Pameran PNM
7 – 31 Mei	Pameran PEKOMIK	PBN, PNM / PEKOMIK	Dewan Pameran PNM
1 – 30 Jun	Pameran 'Animasi Menjana Kreativiti sempena Hari Seniman 2011	PNM, FNM, ASWARA, ANIMAS	Dewan Pameran PNM
29 September – 13 Oktober	Pameran Bulan Kewangan Berhemat FOMCA 2011	PNM / FOMCA	Dewan Pameran PNM
3 – 6 Disember	Pameran Karnival Jawi	PNM / YAYASAN RESTU	Dewan Pameran PNM
13 Disember	Pameran Sejuta Tinta Penulis sempena Majlis Penyampaian Hadiah & Pelancaran Buku Sako 3 Bagi Novel Nasional Kumpulan Utusan-ITNM 2011	PNM/ UTUSAN/ ITNM	Dewan Pameran PNM

### Luar Jabatan

TARIKH	NAMA PROGRAM	ANJURAN	NAMA PAMERAN	TEMPAT
20 – 21 Januari	Program Mari Membaca 1Malaysia : Aram Kitai Macha 1Malaysia	PNM	Pameran Travelog Kembara Buku	Julau, Sarawak
21 Mac	Hari Terbuka Sekolah	SMK ERT Setapak	Pameran Yang Pertama	Pusat Sumber SMK ERT Setapak
24 Mac	Program Literasi Maklumat Fakulti Pengajian Maklumat UiTM	Fakulti Pengajian Maklumat UiTM/PNM	Pameran Perdana Menteri	Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Idris Shah Klang, Selangor
23 – 24 Mac	Hari Terbuka Pusat Sumber	Hospital Sungai Buloh	Pameran Herba Tradisional	Perpustakaan Hospital Sungai Buloh
27 – 29 Mei	Program Hari Belia Negara	Kem. Belia dan Sukan	Pameran Rukun Negara	Putrajaya
27 Mei – 6 Jun	Program Read 1Malaysia 2011	Mines Book Fair	Pameran Rukun Negara	Mines International Convention Centre, Seri Kembangan



## Luar Jabatan - samb.

TARIKH	NAMA PROGRAM	ANJURAN	NAMA PAMERAN	TEMPAT
7 – 9 Julai	Program Mengenang Negarawan – Allahyarham Tun Abdul Razak	Arkib Negara Malaysia	Pameran Nadir dan Manuskrip Melayu	Dataran Integrasi, UiTM Jengka, Pahang
16 Julai	Program Merakytakan Seni Budaya	KPKK	Pameran Rukun Negara	Kelab Darul Ehsan, Taman Tun Abdul Razak Ampang Jaya, Selangor
23 Julai	Program Cip Back Nei 1Msia	PNM / Kementerian Kemajuan Luar Wilayah / Jabatan Kemajuan Orang Asli	Pameran Rukun Negara	Padang Sekolah Kebangsaan (SK) RPS Banun, Banding, Gerik, Perak
15 – 17 November	Program Hari Terbuka Pusat Sumber Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	Kem. Pertanian dan Industri Asas Tani	Pameran Herba Tradisional	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Putrajaya
22 – 24 November	Sambutan Hari Inovasi Peringkat KPKK	Kem. Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan	Pameran Fastyle	Dataran Muzium, Muzium Negara

## Program Pendidikan Pengguna

Program Pendidikan Pengguna bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai sumber-sumber rujukan dan cara-cara untuk mengakses kepada sumber maklumat yang terdapat di PNM. Pada Tahun 2011, sebanyak 25 program telah diadakan berbanding 23 program pada tahun 2010. Seramai 828 peserta dari kalangan para pelajar sekolah menengah dan beberapa institusi lain sekitar Lembah Klang.



YM Raja Rozaimie Dalnish Shah, Ketua Pengarah Filem Negara Malaysia melawat pameran sempena Majlis Perasmian Pameran Animasi Menjana Kreativiti pada 7 Jun 2011 di PNM.

## Bahagian Pinjaman

Perpustakaan Negara Malaysia sentiasa berusaha untuk memberi kepimpinan dalam pengurusan sumber ilmu dan menyokong usaha kerajaan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang mengamalkan tabiat membaca dan mencintai ilmu.

Sehubungan itu, Bahagian Pinjaman sentiasa meneruskan usahanya untuk mencapai matlamat dalam menyediakan perkhidmatan pinjaman yang berkualiti dan melaksanakan program serta aktiviti galakan membaca kepada pengguna perpustakaan. Usaha-usaha ini adalah selaras dengan falsafah Perpustakaan Negara Malaysia iaitu bagi membina bangsa Malaysia berbudaya membaca dan cintakan ilmu melalui pembelajaran sepanjang hayat ke arah memartabatkan tradisi keilmuan.

### Fungsi Pinjaman

Fungsi utama Bahagian Pinjaman adalah menyediakan perkhidmatan pinjaman kepada pembaca berdaftar iaitu dari golongan dewasa dan kanak-kanak dengan cekap dan berkesan ke arah membina masyarakat berilmu dan berbudaya membaca.

Bahagian Pinjaman terbahagi kepada empat (4) unit iaitu:

- Unit Pinjaman Dewasa
- Unit Kanak-kanak
- Unit Pinjaman Berkelompok
- Unit Perpustakaan Komuniti & Outreach

### Perkhidmatan

Bahagian Pinjaman dalam usaha untuk mencapai objektif bahagian telah berusaha menyediakan perkhidmatan pinjaman yang berkualiti dan meningkatkan pengurusan koleksi pinjaman. Pecahan bagi aktiviti sirkulasi mengikut unit adalah seperti di bawah:

UNIT	PINJAMAN	PEMULANGAN	PEMBAHARUAN	TEMPAHAN
Pinjaman Dewasa	424,100	294,859	50,536	45
Pinjaman Kanak-kanak	541,127	524,679	84,283	-
Pinjaman Berkelompok	68,655	61,438	41,267	-
<b>JUMLAH</b>	<b>1,033,882</b>	<b>880,976</b>	<b>176,086</b>	<b>45</b>

Bagi menjamin perkhidmatan yang cekap dan berkesan, Bahagian Pinjaman sentiasa mendapat sokongan padu daripada Bahagian Khidmat Teknik dengan membekalkan buku-buku baru dan terkini.

Ini menjadikan bilangan koleksi di Bahagian Pinjaman adalah 59,008 naskah sehingga tahun 2011.

### Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok

Sehingga Disember 2011, Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok mempunyai seramai 289 ahli baru terdiri daripada jabatan kerajaan, sekolah, pusat sumber serta institusi swasta.

UNIT	PENERIMAAN (NASKAH)
Pinjaman Dewasa	18,430
Pinjaman Kanak-kanak	15,286
Pinjaman Berkelompok	25,292
<b>JUMLAH</b>	<b>59,008</b>



## Perpustakaan Komuniti

PNM juga telah mengambil inisiatif menjalinkan persepakatan pintar dan menubuhkan Perpustakaan Komuniti AEON AU2 Setiawangsa sebagai perpustakaan komuniti kedua selepas Perpustakaan Komuniti Mahkota Cheras. Perpustakaan Komuniti ini ditubuhkan pada Mac 2011.

Perpustakaan Komuniti dibawah seliaan PNM ini merupakan sebagai satu destinasi kunjungan pada hujung minggu terutama pada musim cuti sekolah sebagai tempat riadah dan rekreasi minda ke arah mendekati diri masyarakat dengan perpustakaan.

Beberapa inisiatif telah diambil oleh PNM bagi memastikan kemudahan yang diberikan kepada pembaca khususnya komuniti setempat adalah memuaskan dan memenuhi citarasa mereka.

Alamat bagi kedua-dua Perpustakaan Komuniti PNM adalah seperti berikut:

PK Cheras Mahkota  
Lot F 13 (1st floor)  
Jalan Temenggung 21/9  
Persiaran Mahkota Cheras 1  
Bandar Mahkota Cheras  
43200 Cheras, Selangor  
Emel : [pkmahkota@pnm.gov.my](mailto:pkmahkota@pnm.gov.my)

PK AU2 Setiawangsa  
Lot G20, Jln Tmn Setiawangsa  
(Jln 37/56) AU2 Taman Keramat  
54200 Kuala Lumpur  
Emel : [pksetiawangsa@pnm.gov.my](mailto:pksetiawangsa@pnm.gov.my)

## Aktiviti Galakan Membaca

Di samping memberi perkhidmatan pinjaman buku, Bahagian Pinjaman turut mengendalikan aktiviti galakan membaca atau aktiviti tambahan secara terancang dan teratur.



Perpustakaan Komuniti AU2, Setiawangsa.



Ruang dalaman Perpustakaan Komuniti AU2, Setiawangsa.



## Statistik Perpustakaan Komuniti 2011

BULAN	KEAHLIAN		JUMLAH	PENGGUNA		JUMLAH	PENGGUNA INTERNET		JUMLAH	PINJAMAN BAHAN		JUMLAH	PENERIMAAN KOLEKSI		JUMLAH
	KK	D		KK	D		KK	D		KK	D		CETAK	TIDAK DI CETAK	
Januari															
Februari														1,500	
Mac	46	102	148	665	1,666	2,331	149	184	333	415	1,290	1,705			
April	77	80	157	504	1,463	1,967	40	142	182	-535	1,886	1,351			
Mei	138	147	285	-395	1,964	1,569	30	158	188	719	1,984	2,703			
Jun	136	141	277	454	2,019	2,473	75	279	354	622	1,688	2,310			
Julai	55	100	155	523	588	1,111	67	455	522	-738	1,542	804			
Ogos	22	98	120	741	1,000	1,741	111	359	470	550	990	1,540			
September	48	99	147	4	1,232	1,236	2	631	633	515	1,190	1,705			
Oktober	46	255	301	1,192	1,444	2,636	81	501	582	665	1,186	1,851			
November	43	211	254	552	1,989	2,541	89	399	488	719	1,984	2,703			
Disember	280	219	499	1,403	1,496	2,899	58	211	269	622	1,688	2,310			
<b>JUMLAH</b>	891	1,452	<b>2,343</b>	5,643	14,861	<b>20,504</b>	702	3,319	<b>4,021</b>	3,554	15,428	<b>18,982</b>	<b>1,500</b>	0	0
<b>KUMULATIF</b>			<b>2,820</b>			<b>25,106</b>			<b>4,713</b>			<b>22,064</b>	<b>1,500</b>		

D : Dewasa

KK : Kanak-kanak



# Perkhidmatan Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA)

## Pengurusan Perkhidmatan Perdana

Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab dalam penyampaian perkhidmatan maklumat di peringkat negara dan antarabangsa iaitu melalui penyediaan capaian yang mudah dan cepat kepada koleksinya. Selaras dengan kemajuan ICT dan hasrat kerajaan ke arah mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan, PNM telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mempertingkatkan dan menambahbaik capaian kepada sumber maklumat perpustakaan antaranya Sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA) dan Perkhidmatan Perpustakaan *Ubiquitous* (u-Pustaka).

### Perkhidmatan MyLib

MyLib merupakan satu portal yang dibangunkan sejak tahun 2000 bawah Projek PERDANA yang menyediakan perkhidmatan capaian kepada sumber ilmu dalam bentuk digital secara atas talian daripada pelbagai pangkalan data sumber elektronik bagi tujuan rujukan, penyelidikan dan pembelajaran kepada pengguna perpustakaan di seluruh negara. Portal Mylib boleh dicapai melalui laman web PNM atau terus melalui alamat <http://mylib.pnm.my>. Mylib menyediakan capaian kepada pelbagai sumber elektronik seperti e-Buku, e-Jurnal, e-Majalah, artikel dan sebagainya. Pada tahun 2011, Mylib menyediakan pangkalan data *EBSCOhost*, *Emerald*, *BLIS*, *Nexis* dan *eBrary* serta empat (4) pangkalan data baru iaitu *Encyclopedia Britannica Online (EBO)*, *World e-Book*, *OverDrive* dan *Zinio*.

### Projek Rintis Perpustakaan Ubiquitous (U-Pustaka)

PNM telah memperluas jalinan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi mempertingkatkan perkhidmatan perpustakaan di negara ini melalui pelaksanaan Projek Rintis Perpustakaan *Ubiquitous* (u-Pustaka) iaitu satu inisiatif bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. Projek Rintis ini yang telah dimulakan sejak tahun 2008 bertujuan untuk menyediakan satu perkhidmatan penyampaian maklumat yang lebih inovatif bagi membolehkan

rakyat meneroka maklumat tanpa sempadan waktu dan lokasi. u-Pustaka memanifestasikan sinergi kerjasama antara sektor perpustakaan dengan beberapa agensi kerajaan dan sektor swasta. Perpustakaan yang terlibat dalam projek rintis ini terdiri daripada Perpustakaan Negara Malaysia sendiri, Perpustakaan INTAN Bukit Kiara, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, Perpustakaan Negeri Sabah, Pustaka Negeri Sarawak, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan Perpustakaan Kuala Lumpur.

Objektif u-Pustaka adalah untuk menjadikan maklumat dapat dicapai secara fizikal dan digital menerusi perluasan perkhidmatan jalur lebar, teknologi RFID (*Radio Frequency Identification*) dan portal serta kandungan; merealisasikan kerjasama Sistem Rangkaian Perpustakaan bagi menggalakkan kolaborasi dan perkongsian sumber; dan penjana, perkongsian dan pertukaran maklumat bagi menggalakkan hubungan komuniti, menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan mempererat rangkaian sosial di kalangan rakyat Malaysia.

Pembangunan u-Pustaka melibatkan penyepaduan tujuh (7) komponen iaitu prasarana jalur lebar; Portal u-Pustaka; perkhidmatan pinjaman secara terus menerusi pengintegrasian Sistem Pengurusan Perpustakaan dan teknologi RFID, saluran penghantaran buku melalui Pos Malaysia, pembayaran tanpa tunai serta akses kepada kandungan tempatan dan antarabangsa dalam bentuk fizikal dan digital. Katalog Induk Kebangsaan yang telah dibangunkan oleh PNM pada tahun 2006 menjadi salah satu komponen utama dalam pembangunan sistem u-Pustaka manakala Pusat Data PNM menjadi Pusat Pemulihan Data bagi u-Pustaka. Portal u-Pustaka telah disediakan untuk capaian orang ramai mulai 17 Disember 2010 di alamat [www.u-library.gov.my/www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-library.gov.my/www.u-pustaka.gov.my).

u-Pustaka telah dilancarkan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan pada 31 Mac 2011 di Ruang Pameran Perpustakaan Negara Malaysia. Sehingga akhir 2011, jumlah keahlian u-Pustaka adalah sebanyak 181,437 orang ahli. Sepanjang tahun 2011, PNM dan perpustakaan konsortium yang lain telah mengadakan beberapa siri program promosi bagi tujuan menyampaikan maklumat dan perkhidmatan terus kepada rakyat.

## Katalog Induk Kebangsaan (KIK)

KIK merupakan salah satu perkhidmatan perkongsian sumber di kalangan 101 perpustakaan di Malaysia yang dihos dan diselenggarakan oleh PNM. Perkhidmatan dalam talian ini menyediakan akses kepada sumber maklumat komprehensif mengenai bahan perpustakaan di Malaysia untuk rujukan pustakawan, penyelidik dan orang awam. Ia memberi deskripsi mengenai bahan dalam bentuk bercetak dan tidak bercetak seperti buku, majalah, jurnal, laporan tahunan, surat khabar, peta, kaset, video, filem, sumber elektronik, cakera padat data dalam pelbagai bahasa.

Pada tahun 2011, KIK mencatatkan jumlah capaian perkhidmatan dalam talian PNM yang tertinggi iaitu sebanyak 6,289,143 berbanding dengan 7,288,844 jumlah keseluruhan penggunaan perkhidmatan dalam talian. Jumlah rekod yang boleh dicapai dalam pangkalan data KIK adalah berjumlah 5,028,657 daripada 100 buah perpustakaan konsortium pada tahun 2011.

## Pembangunan Kandungan

Aktiviti pendigitalan koleksi perpustakaan terus dilaksanakan sebagai suatu langkah untuk menyediakan akses kepada sumber-sumber perpustakaan dengan lebih mudah dan cepat untuk rujukan pengguna perpustakaan. Koleksi-koleksi unik yang dimiliki oleh PNM, terutamanya Manuskrip Melayu, Buku Nadir, Koleksi Peribadi dan terbitan-terbitan PNM sentiasa diberikan keutamaan dalam proses pendigitalan sebagai satu usaha untuk memelihara koleksi-koleksi ini secara digital untuk kegunaan generasi masa kini dan akan datang. Sebanyak 107,454 muka surat bahan perpustakaan, meliputi Manuskrip Melayu, buku nadir, artikel surat khabar/majalah, kertas persidangan/seminar, koleksi peribadi dan terbitan-terbitan PNM telah berjaya diproses dan ditukar format kepada digital di sepanjang tahun 2011.

Dasar Pendigitalan Koleksi Perpustakaan dan Garis Panduan Pendigitalan Koleksi Perpustakaan yang digubal oleh PNM boleh diakses dan dimuat turun dari portal rasmi PNM sebagai panduan dan rujukan kepada semua perpustakaan di Malaysia dalam melaksanakan aktiviti pendigitalan.

Di samping aktiviti pendigitalan, PNM juga telah membangun dan mentadbir urus pelbagai portal/laman web kandungan digital tempatan dalam bidang sejarah, warisan, kebudayaan dan pelbagai bidang perkara khusus yang lain. Jumlah capaian kepada kandungan digital tempatan pada tahun 2011 berjumlah 158,278 capaian. Antara portal/laman web yang mendapat capaian

tertinggi ialah Portal Yang DiPertuan Agong sebanyak 58,543 capaian, Laman web Sejarah Malaysia sebanyak 46,721 capaian, Laman web Warisan Budaya Malaysia sebanyak 23,756 capaian.

## Perkhidmatan Digital

Pada tahun 2011, Perkhidmatan Digital menerima sebanyak 91,064 orang pengguna di mana sebanyak 44,764 bahan dirujuk meliputi sumber media dan elektronik dan bahan digital. Perkhidmatan Digital meliputi Perkhidmatan Hipermedia Dewasa, Perkhidmatan Hipermedia Kanak-kanak dan Perkhidmatan Zon Siber.

Seramai 19,086 orang pengguna telah menggunakan Perkhidmatan Hipermedia Dewasa. Antara perkhidmatan yang digunakan ialah capaian kepada koleksi buku elektronik (e-buku), e-video dan e-audio, koleksi *Interactive Learning*; perkhidmatan audio; program tayangan filem tempatan dan televisyen saluran Astro seperti *CNN*, *Discovery*, *National Geographic*, *TV IQ*, *ESPN*, *Animal Planet* dan *Astro Ceria* dan perkhidmatan dalam talian Internet, laman sosial, e-mel dan muat turun maklumat yang dibenarkan.

Perkhidmatan Hipermedia Kanak-kanak pula telah menerima 38,845 orang pengguna yang berumur diantara 4 hingga 12 tahun. Perkhidmatan ini yang bertujuan memupuk minat terhadap ilmu dan meningkatkan kreativiti di kalangan kanak-kanak menyediakan pelbagai kemudahan berasaskan ICT dan sumber elektronik seperti Sudut Komputer, Sudut Muzik dan Sudut Cerita.



PNM telah menyediakan kemudahan kepada golongan remaja dan penuntut institusi pengajian tinggi untuk mencapai sumber maklumat elektronik daripada pangkalan data jurnal dan maklumat dalam talian melalui Perkhidmatan Zon Siber sejak tahun 2008. Perkhidmatan ini yang dilengkapi dengan perkhidmatan wifi membolehkan pengguna mencapai perkhidmatan internet secara percuma di samping capaian kepada kandungan tempatan dan luar negara. Selain dari itu, perkhidmatan kesetiausahaan (menaip, mengimbas dan mencetak) juga disediakan untuk kemudahan para pelajar membuat tugas sekolah di perpustakaan. Pertambahan sebanyak 20 unit komputer bagi menampung pengguna yang ramai. Seramai 33,133 orang pengguna daripada 91,064 orang pengguna Perkhidmatan Digital telah menggunakan perkhidmatan ini pada tahun 2011.

### Program Literasi Maklumat dan Literasi Komputer

Selain daripada menyediakan perkhidmatan berteraskan ICT, PNM juga mengadakan pelbagai program untuk menggalakkan literasi maklumat dan literasi komputer di kalangan pengguna. Sepanjang tahun 2011, seramai 1,949 orang pengguna telah mendapat pengetahuan dan bimbingan melalui 71 aktiviti yang telah dijalankan meliputi 25 program sesi pendidikan pengguna dan komputer dan lapan (8) sesi pendidikan kakitangan.

### Majlis Pelancaran Pusat Hipermedia Kanak-kanak@ PNM

Pusat Hipermedia Kanak-kanak@PNM telah berwajah baru dengan mendapat tajaan ExxonMobil sebanyak RM175,000.00. Majlis pelancaran telah diadakan pada 4 Oktober 2011. Pelbagai aktiviti berteraskan ICT telah dijalankan seperti Sesi Bercerita Interaktif, Pertandingan Mewarna Atas Talian, Kids Invent, Demontrasi k-Jawi, Aktiviti Ilmu Atas Talian, Jom Karang dari Internet, Bengkel Literasi Maklumat Asas, Silap Mata, Kapal Karam, Permainan My Wifi dan lain-lain. Seramai 750 orang telah turut serta memeriahkan majlis ini.



YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri KPKK bersama-sama Tetamu Kehormat menyempurnakan Majlis Pelancaran Modul Literasi Maklumat 1Malaysia pada 23 Disember 2011 di Sekolah Kebangsaan Ulu Luit, Maran, Pahang.



Program Literasi Maklumat: Bengkel Pencarian dan Pempakejan Maklumat di SMK Sungai Besar, Selangor pada 20 Julai 2011.

# Perpustakaan Negara Malaysia Negeri Perlis

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PNMNP) telah diletakkan di bawah seliaan Perpustakaan Negara Malaysia melalui Memorandum Perjanjian Persefahaman (MoU) bagi khidmat pengurusan sumber manusia yang telah dimeterai pada 16 Mei 2011.

Perjanjian telah ditandatangani antara Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, YBhg. Datuk Wira Kamaruddin Siaraf dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, YB Dato' Zabidi Zainal di Auditorium Perpustakaan Awam Negeri Perlis. MoU tersebut telah diserahkan oleh YAB Dato' Seri Dr. Md. Isa bin Sabu, Menteri Besar Perlis kepada YBhg Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia pada 17 Julai 2011 sambil disaksikan oleh Ahli Mesyuarat Lembaga Pengarah, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis. Dengan itu, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis dikenali dengan nama baru iaitu Perpustakaan Negara Malaysia Negeri Perlis. Walau bagaimanapun, peranan Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Perlis dikekalkan. PNMNP diketuai oleh seorang Pengarah, Pustakawan Gred S41 dengan dibantu oleh seorang pegawai profesional Gred S41 dan 29 orang kakitangan sokongan serta 11 orang kakitangan kontrak / sambilan / sementara.

## Peristiwa Penting

Sepanjang tahun 2011, antara peristiwa penting yang telah berlangsung adalah seperti Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Khidmat Pengurusan Sumber Manusia pada 16 Mei di PPANPs, Majlis Penyerahan Memorandum Persefahaman (Mou) Khidmat Pengurusan Sumber Manusia pada 17 Julai di PNM, Majlis Pelancaran Bank Buku dan Sudut Bacaan di Terminal Feri Kuala Perlis pada 14 April, Majlis Perasmian Karnival Membaca 1Malaysia Dan Pelancaran Serentak Perpustakaan Desa Projek Khas Negeri Perlis oleh DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, Raja Perlis pada 16 April dan Pertandingan Bercerita Cerita Rakyat Peringkat Kebangsaan 2011 pada 9 hingga 10 Disember di PNM. Selain daripada itu, PNMNP juga telah berjaya mendapat beberapa pengiktirafan dan anugerah dalam pertandingan yang disertai seperti terpilih untuk mengadakan persembahan Malam Perkhidmatan Awam Negeri Perlis pada 22 Jun, johan sukan anjuran Jawatankuasa Penyelaras Kementerian Penerangan Komunikasi

dan Kebudayaan (JKPKPKK) pada 29 Julai dan tempat pertama pertandingan gerai tercantik sempena Jamuan Hari Raya Kerajaan Negeri Perlis pada 17 September serta dipilih sebagai tuan rumah temasya sukan JKPKPKK pada tahun 2012.

## Pameran

Sepanjang tahun 2011, PNMNP telah mengadakan pameran seperti Pameran Peralatan Tradisional pada 5 Januari hingga 8 Mac, Pameran Kebaya Perlis sempena Program Alunan Budaya pada 29 Oktober, Pameran Kemerdekaan Malaysia ke-54 pada 1 hingga 31 Ogos, Pameran sempena Program Merakyatkan Seni Budaya "Budaya Dijunjung, Gagasan Didukung" pada 15 Disember dan 12 siri pameran sempena Kempen Daftar Ahli Perpustakaan.

## Statistik

### Jumlah Aktiviti / Program Yang Dilaksanakan Pada Tahun 2011

JENIS PERPUSTAKAAN	JUMLAH AKTIVITI
Perpustakaan Negeri	25
Perpustakaan Cawangan	114
Perpustakaan Pekan	16
Perpustakaan Kanak-Kanak	22
Perpustakaan Desa	948
<b>JUMLAH</b>	<b>1,125</b>

### Bilangan Perpustakaan Mengikut Jenis

JENIS PERPUSTAKAAN	JUMLAH PERPUSTAKAAN
Perpustakaan Negeri	1
Perpustakaan Cawangan	3
Perpustakaan Pekan	1
Perpustakaan Kanak-Kanak	3
Perpustakaan Desa	37
<b>JUMLAH</b>	<b>45</b>





PERPUSTAKAAN	KEAHLIAN		PENGUNJUNG		PENGGUNA PERKHIDMATAN		PENGGUNA ICT	PINJAMAN BAHAN	
	KANAK - KANAK	DEWASA	KANAK - KANAK	DEWASA	KANAK - KANAK	DEWASA		KANAK - KANAK	DEWASA
Negeri	66	274	3993	129810	3993	129810	396	2532	8894
Perpustakaan Cawangan	1422	2008	11346	15808	11346	15808	1871	2783	3001
Perpustakaan Pekan	459	916	2471	6312	2471	6312	324	610	581
Perpustakaan Bergerak	1966	268	14794	2369	14794	2369	3395	35830	3898
Perpustakaan Desa	833	640	57928	36658	57928	36658	13221	48163	32893
<b>JUMLAH</b>	<b>4746</b>	<b>4110</b>	<b>90532</b>	<b>190957</b>	<b>90532</b>	<b>190957</b>	<b>19207</b>	<b>89918</b>	<b>49267</b>

### Statistik Kumulatif Koleksi PNM Negeri Perlis 2011

Kategori Perpustakaan	Jenis Bahan Perpustakaan (unit)					
	*Bahan Bercetak		Bahan Tidak Bercetak		**Bahan Digital	
	Kanak-kanak	Dewasa	Kanak-kanak	Dewasa	Kanak-kanak	Dewasa
<b>Negeri/Ibu Pejabat</b>	67103	108723	605	15	2227	3268
<b>Cawangan</b>	28753	35991			227	304
<b>Pekan</b> (Termasuk yang diurus tadbir oleh Majlis Perbandaran)	9205	9708				
Desa	147211	100419	6		3	
• <b>Urus Tadbir Kerajaan Negeri Bergerak</b>	39716	26281				
<b>JUMLAH</b>	<b>291988</b>	<b>281122</b>			<b>2457</b>	<b>3572</b>

Kumulatif = Jumlah atau bilangan terkumpul tahun semasa + jumlah atau bilangan tahun-tahun sebelumnya

\* Termasuk buku, majalah, jurnal, suratkhobar, buletin dan lain-lain

\*\* Termasuk slide, kaset, CD, VCD, LD, DVD, CD-ROM dll.



Bangunan Perpustakaan Negara Malaysia Negeri Perlis.



DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, Raja Muda Perlis, DYTM Tuanku Lailatul Shahreen Akashah, Raja Puan Muda Perlis, YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri KPKK dan Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM di Majlis Pelancaran Bank Buku dan Sudut Bacaan di Terminal Feri Kuala Perlis.

# Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)

## MS ISO 9001 : 2008

Atas kecemerlangan yang ditunjukkan Jabatan dalam melaksanakan SPK, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah menganugerahkan Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 berkuatkuasa 9 April 2010 hingga 8 April 2013. Pensijilan ini juga mendapat pengiktirafan Badan Pensijilan Antarabangsa iaitu International Certification Network (IQNet). Pensijilan ini yang juga mendapat pengiktirafan Badan Pensijilan Antarabangsa iaitu International Certification Network (IQNet) sekali lagi berjaya dikekalkan pada tahun 2011 setelah melepasi tapisan Audit Pemantauan SIRIM QAS pada 4 – 5 April 2011.

Dalam memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan, perancangan strategik dan jangka pendek PNM juga dipacu oleh sembilan (9) Piagam Pelanggan yang mengambil kira keupayaan pelaksanaan dan impaknya kepada organisasi dan pelanggan perpustakaan. Pada tahun 2011, pencapaian Piagam Pelanggan



PNM menunjukkan pencapaian yang memberansangkan iaitu 97.77%.

Dalam menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan kakitangan juga, sebanyak tujuh (7) kumpulan KIK diperingkat Jabatan telah berjaya ditubuhkan bagi tahun 2011. Adalah menjadi kebanggaan apabila Kumpulan Nadi daripada Bahagian Pemuliharaan, PNM yang telah memenangi tempat ke-2 Konvensyen KIK peringkat Kementerian 2010 sekali lagi telah dipilih untuk mewakili Kementerian dalam Konvensyen KIK peringkat Wilayah Persekutuan pada 13 – 14 September 2011 dengan tajuk projek "Kesukaran Menjilid Buku Melebihi 2 sentimeter".

### Aktiviti Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) 2011

TARIKH	PERKARA	KEKERAPAN
5 Mei 21 Disember	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)	2 kali
2 Mac 28 Jun 29 September	Mesyuarat J/K Pelaksana MS ISO 9001:2008	3 kali
4 – 5 April	Audit Pemantauan	1 kali
11– 13 Januari 2 – 4 Ogos	Audit Dalaman	2 kali
8 Februari	Perjumpaan dengan Pegawai ISO	1 kali
26 Januari	Taklimat Kesedaran ISO	1 kali



### Latihan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) 2011

TARIKH	PERKARA	PESERTA
26 Januari	Taklimat Kesedaran ISO	Semua Warga PNM
21 April	Taklimat Pembetulan	TPgh/KB/ Pegawai ISO
7- 8 Mac	Bengkel Kesedaran ISO dan Tindakan Pembetulan/Pencegahan	Pegawai ISO
